



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)

DR. 37 TAHUN 2025



**TAKLIMAT PEROLEHAN KERAJAAN DAN
PENTADBIRAN KONTRAK
OLEH
KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)**



AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Ekonomi (KE)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen Malaysia



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	-
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF TAKLIMAT	2
3. PERBINCANGAN	2
3.1. Kaedah Perolehan, Kriteria dan Had Nilai	2
3.2. Proses Perolehan	5
3.3. Perbezaan Kaedah Perolehan Sebut Harga Dan Tender	7
3.4. Perbezaan Tender Terbuka Dan Tender Terbuka Pra-Kelayakan	8
3.5. Rundingan Terus	12
3.6. Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	13
3.6.1. Had Nilai Pihak Berkuasa Melulus (PBM)	14
3.6.2. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Badan Berkanun	15
3.6.3. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Syarikat Kerajaan (GLC/ MKD)	17
3.7. Pemilihan Tender dan Penilaian Harga Terendah	17
3.7.1. Penetapan Julat Harga Bagi Sesuatu Tender	18
3.7.2. Risiko Penglibatan Kartel Dalam Perolehan Kerajaan	20
3.8. Pengecualian/ Kelonggaran Dalam Prosedur Perolehan	21
3.9. Keutamaan Syarikat Bumiputera	22
3.10. Kewajipan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Dalam Perolehan Kerajaan	23
3.11. Perolehan Kreatif/ Pecah Kecil Kontrak	25
3.12. Pentadbiran Kontrak	26
3.12.1. Isu Lanjutan Masa (EOT)	26
3.12.2. Pengurusan Arahan Perubahan Kerja (VO) Dalam Perolehan Kerajaan	27
3.13. Pemakaian Pekeliling MOF	27
3.14. Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan	28
4. PENUTUP	29
LAPORAN PENYATA RASMI (HANSARD)	-
DOKUMEN PEMBENTANGAN	-
GAMBAR TAKLIMAT	-



GLOSARI

GLOSARI

BBP	Badan Berkanun Persekutuan
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
DE	Bajet Pembangunan
GLC	Syarikat Kerajaan
JKR	Jabatan Kerja Raya
KSU	Ketua Setiausaha
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
MKD	Syarikat Milik Kerajaan
MOF	Kementerian Kewangan
MyCC	Suruhanjaya Persaingan Malaysia
PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen
PBM	Pihak Berkuasa Melulus
PPMMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
PP/PK	Pekeliling Perbendaharaan/ Perolehan Kerajaan
RFP	<i>Request For Proposal</i>
RUU	Rang Undang-Undang
SST	Surat Setuju Terima

***PENYATA JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN***





PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN

BERHUBUNG

TAKLIMAT PEROLEHAN KERAJAAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK

OLEH

KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)

1. PENDAHULUAN

Pengurusan perolehan kerajaan yang cekap, telus dan bertanggungjawab merupakan tonggak utama dalam memastikan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengelakkan sebarang penyelewengan. Sistem perolehan yang efektif menjamin perolehan barangan, perkhidmatan, dan kerja oleh kerajaan pada nilai terbaik dan kualiti setimpal. Kecekapan proses perolehan adalah mustahak untuk penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan awam yang berkualiti, di samping memupuk persaingan sihat dalam pasaran pembekalan.

Susulan sesi taklimat oleh Ketua Audit Negara berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2025 Aktiviti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 24 Julai 2025, didapati masih terdapat banyak isu berhubung dengan perolehan yang dibangkitkan. Pada masa yang sama, Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Ogos 2025 dan di Dewan Negara pada 8 September 2025.

Sehubungan itu, satu taklimat berhubung Perolehan Kerajaan Dan Pentadbiran Kontrak oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah diadakan pada 4 Ogos 2025 bagi meneliti dan memperincikan tatacara Perolehan Kerajaan dan Pentadbiran Kontrak.

2. OBJEKTIF TAKLIMAT

2.1. PAC Parlimen telah mengadakan sesi taklimat mengenai Perolehan Kerajaan Dan Pentadbiran Kontrak Oleh MOF melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

- i. PM 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. PM 83(2) PPMMDR; dan
- iii. Seksyen 5(3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian, Jabatan Perdana Menteri.

2.2. Taklimat ini diadakan bagi meneliti dan memahami secara mendalam tatacara perolehan kerajaan, isu-isu yang dibangkitkan dan langkah penambahbaikan oleh MOF. Ia juga bertujuan memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana awam.

3. PERBINCANGAN

3.1. Kaedah Perolehan, Kriteria dan Had Nilai

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF telah membentangkan enam (6) kaedah utama perolehan Kerajaan yang merangkumi kriteria dan had nilai bagi setiap kaedah.

KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN



Pekeliling
Perbendaharaan/
Perolehan Kerajaan
(PP/PK) 2 menggariskan
Kaedah Perolehan
Kerajaan



PP/PK2.2

**Tender
Terbuka**

PP/PK2.3

**Tender Terbuka
Pra Kelayakan**

PP/PK2.4

**Rundingan
Terus**

PP/PK2.5

Kontrak Pusat

PP/PK2.7

**Kontrak Panel
Berpusat**

PP/PK2.8

**Request For
Proposal (RFP)**

PP/PK2.9

Sebut Harga

PP/PK2.10

**Pembelian
Terus**

PP/PK2.11

**Lantikan Terus &
Kerja Requisition**

4

RINGKASAN PERBANDINGAN SYARAT PEROLEHAN



	HAD NILAI	TEMPOH IKLAN *mulai Tarikh iklan/ Tarikh taklimat tender, mana yang terkemudian.	TEMPOH SAH LAKU
1 PEMBELIAN TERUS/ LANTIKAN TERUS/ REQUISITION	sehingga RM50,000	Min. 1 hari	Tiada
2 SEBUTHARGA	> RM50,000 sehingga RM500,000	Min. 7 hari	Maks. 90 hari
3 TENDER TERBUKA	> RM500,000	Tempatan: Min. 21 hari Antarabangsa: Min. 40 hari	Min. 90 hari
4 TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN	> RM500,000	Min. 25 hari (peringkat 1) Min. 40 hari (peringkat 2)	Min. 180 hari (peringkat 1) Min. 90 hari (peringkat 2)
5 REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)	> RM500,000	Min. 21 hari (peringkat 1) Min. 21 hari (peringkat 2)	Min. 90 hari (peringkat 1) Min. 90 hari (peringkat 2)
6 RUNDINGAN TERUS	TIADA HAD NILAI	Tiada	Tiada

5

(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Berikut adalah ringkasan bagi setiap kaedah perolehan, kriteria dan had nilai berdasarkan pembentangan:

i. Pembelian Terus

- **Kriteria:** Biasanya dilakukan dalam satu hari selepas membandingkan tiga (3) tawaran daripada pembekal.
- **Had Nilai:** Nilai tidak melebihi RM50,000.

ii. **Sebut Harga**

- **Kriteria:** Dipelawa melalui iklan sebut harga.
- **Had Nilai:** RM50,000 hingga RM500,000.
- **Kelongsaraan (untuk perolehan kerja tahun ini sahaja):** RM1 juta hingga RM3 juta untuk mempercepatkan proses perolehan dan akan berakhir pada 31 Disember 2025.

iii. **Tender Terbuka**

- **Kriteria:** Dipelawa melalui iklan tender .
- **Had Nilai:** RM500,000 dan ke atas.

iv. **Tender Terbuka Pra-Kelayakan**

- **Kriteria:** Melibatkan dua peringkat (peringkat pertama dan kedua).
- **Had Nilai:** RM500,000 dan ke atas.

v. **RFP (*Request for Proposal*)**

- **Kriteria:** Kebiasaannya untuk projek-projek perkhidmatan dan perolehan ICT.
- **Had Nilai:** RM500,000 dan ke atas.

vi. **Rundingan Terus**

- **Kriteria:** Perolehan secara Rundingan Terus adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan, berdasarkan kriteria berikut:
 - Kesegeraan Atas Kepentingan Awam
 - Bagi Maksud Penyeragaman
 - Satu Punca Bekalan/ Perkhidmatan (Pembuat/ Pemegang Francais)
 - Melibatkan Keselamatan/ Strategik
 - Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera
- **Had Nilai:** Tiada had nilai.

[Rujukan: Muka surat 2-3, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.2. Proses Perolehan



(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF selanjutnya menjelaskan proses perolehan seperti berikut:

- i. **Penyediaan Perancangan, Spesifikasi & Kriteria Dokumen Pelawaan:**
 - Permohonan projek telah diluluskan oleh Kementerian Ekonomi (belanja pembangunan) atau Kementerian Kewangan (belanja mengurus).
 - Bajet telah diperuntukkan.
 - Spesifikasi disediakan oleh kementerian berkaitan mengikut projek.
- ii. **Pelawaan Sebutharga/ Tender:**
 - Kategori sebut harga atau tender berdasarkan had nilai yang ditetapkan.
 - Taklimat dan/atau lawatan tapak akan diberikan kepada petender mengenai skop berkaitan.
- iii. **Penerimaan Tawaran.**
- iv. **Pembukaan Peti Tawaran:**
 - Peti tawaran dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender.

- v. **Semakan Dokumen Mandatori:**
 - Jawatankuasa Pembuka Tender menyemak kriteria dan syarat wajib (Contoh: Berdaftar dengan SSM, MOF, kod bidang).
- vi. **Penilaian Tender:**
 - Peringkat teknikal.
 - Peringkat kewangan.
- vii. **Perakuan Urus Setia:**
 - Pembentangan kepada Lembaga Perolehan.
 - Urus setia memperakukan dan membentangkan senarai petender.
 - Lembaga Perolehan membuat keputusan untuk satu petender yang akan dipertimbangkan.
- viii. **Pertimbangan Pihak Berkuasa Melulus (PBM):**
 - Tertakluk kepada had nilai (*threshold*):
 - Perolehan bekalan/ perkhidmatan RM50 juta ke bawah, diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan kementerian masing-masing.
 - Perolehan bekalan/ perkhidmatan melebihi RM50 juta perlu diangkat kepada MOF.
 - Perolehan kerja melebihi RM100 juta perlu diluluskan di MOF.
 - MOF akan mengkaji semula keupayaan kewangan dan latar belakang petender.
- ix. **Rundingan (jika projek rundingan terus):**
 - Rundingan harga atau rundingan terma.
 - Mungkin melibatkan pengurangan skop jika harga dikekalkan, atau pengurangan harga jika skop dikekalkan.
- x. **Surat Setuju Terima (SST).**
- xi. **Pelantikan Pembekal/ Kontraktor:**
 - Kontraktor dan Pegawai Pengawal tertakluk di bawah Akta Kontrak 1950.

[Rujukan: Muka surat 5-6, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.3. Perbezaan Kaedah Perolehan Sebut Harga Dan Tender

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF menjelaskan bahawa **sebut harga dan tender** berbeza dari segi nilai projek dan tempoh iklan. Sebut harga adalah untuk projek kecil dengan tempoh iklan yang pendek untuk mempercepatkan proses, manakala tender adalah untuk projek lebih besar. Kedua-dua proses memerlukan pengiklanan dan melibatkan jawatankuasa penilaian teknikal serta kewangan.

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak faham fasal istilah sajalah ya. Beza antara sebut harga dengan tender ini selain daripada nilai dia di bawah RM500,000, setengah juta. Ada tak kriteria lain kah ataupun untuk nak fahamkan — bezanya sajalah. Nak tahu. Kenapa dinamakan sebut harga? Kenapa tak — Kenapa begitu begini?

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Sebab dua-dua pun macam ada... [Tidak jelas]

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Yang kita nampak itu, dia dari segi nilai sajalah kan? Maknanya bawah 500, disebut sebut harga tapi kalau atas 500, disebut tender.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Dari segi iklan dan juga tempoh sah laku juga berbeza. Kalau untuk sebut harga. Ini untuk projek-projek kecil. Sebut harga adalah untuk projek-projek kecil. Projek-projek yang besar memang kita bawa kategori tenderlah dan yang paling penting definisi dia adalah nilai tadilah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tapi macam sebut harga, yang antara 50 hingga 500 pun ada juga yang ditenderkan kan — tidak?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kita iklan. Kita tak panggil tenderlah. Iklan, sebut harga. Tapi, iklan mengikut prosedur macam tender tapi tempoh dia terhadlah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tempoh — okey, okey.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Untuk mempercepatkan proses lantikanlah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Faham, faham. Okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Naib Pengerusi. Maaf. Saya nak tanya. Masih tentang sebut harga dan tender itu. Maksudnya beza kategori sebut harga dan tender itu, dia secara umumnya, samalah. Maksudnya akan ada...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Proses sama.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Proses sama. Akan ada iklan. Cuma dia tak panggil, dia tak panggil, iklanlah. Mungkin dia panggil tender kah apa. Juga, RM50,000 dia punya jumlahlah. Tetapi selain daripada itu, memang dari segi umumnya, proses dia, prinsip dia samalah. Kena buka, orang boleh masukkan permohonan kah apa atau sertai dan akhirnya akan dipilih di antara yang telah masukkan permohonan itulah. Betul ya?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Proses dia sama. Maknanya, kena iklan juga. Cuma tempoh ikhlannya pendek. Lepas itu, yang mana masuk itu, kita ada jawatankuasa sama penilaian teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Cuma, di dalam kategori sebut harga itu, ada yang boleh laksanakan secara undian. Undian maksudnya, sekarang nilai undian itu sehingga RM100,000 yang cabut bola. Bola ping pong. [Sambil menunjukkan isyarat tangan] Itu undian.

Itu masih lagi untuk projek-projek tertentu. Contoh, pembinaan rumah PPRT, kita masih lagi buat cabutan undi. Untuk tahun ini, kita naikan cabutan undi daripada RM100,000 kepada RM200,000. Tetapi, itu kelonggaran itu untuk masa terhad sahaja sehingga 31 Disember sahaja. Okey.”

[Muka surat 6-7, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.4. Perbezaan Tender Terbuka Dan Tender Terbuka Pra-Kelayakan

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF menjelaskan bahawa **tender terbuka** adalah terbuka kepada semua, dan semua petender akan dinilai. Manakala untuk **tender pra-kelayakan**, hanya syarikat-syarikat yang telah disenarai pendek berdasarkan pengalaman kerja terdahulu akan dinilai.

“Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: ... berkenaan dengan nombor tiga dan nombor empat itu kan [Merujuk kepada pembentangan slaid] **Tender terbuka dan juga tender terbuka pra kelayakan**. Apakah kriteria yang perlu Pre-Q, apa yang kriteria yang tak perlu Pre-Q? Jumlah dia sama kan? More than RM500,000 itu. Maknanya, di mana yang perlu Pre-Q, mana yang tak perlu Pre-Q. Itu soalan yang pertama...

..

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Okey, tender terbuka ini open kepada semua. Dan kita kalau satu-satu tender itu kalau 200 orang masuk kita kena nilai keseluruhan petender yang masuk.

Kalau Pre-Q terpilih, kita dah short listed-kan berapa kompeni yang layak berdasarkan kepada pengalaman kerja terdahulu. So, daripada situ, kita dah boleh nilai dan kita iklan kepada group itu sahajalah. Kita tak buka kepada semua.”

[Muka surat 7-9, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Perbezaan Pra-Kelayakan Biasa Dan Pra-Kelayakan Terpilih



(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF turut menjelaskan tujuan dan pelaksanaan tender terbuka pra-kelayakan terpilih seperti ringkasan berikut:

- i. **Tujuan Utama:** Diperkenalkan atas permintaan Perdana Menteri (2022) untuk mempercepatkan projek-projek fizikal dan pembangunan yang melibatkan kepentingan rakyat, seperti tebatan banjir, sekolah daif, klinik daif, dan infrastruktur asas luar bandar.
- ii. **Tempoh Pelaksanaan:** Program ini diluluskan pada awalnya untuk tahun 2023 dan dilanjutkan sehingga Disember 2024 (atas permohonan kementerian berkaitan).
- iii. **Perbezaan Utama dengan Pra-Kelayakan Biasa:**
 - **Pra-Kelayakan Biasa:** Melibatkan dua (2) peringkat perolehan dengan tempoh keseluruhan yang panjang (sehingga 335 hari). Peringkat pertama melibatkan penilaian menyeluruh terhadap semua petender.
 - **Pra-Kelayakan Terpilih:** Direka untuk mempercepatkan projek kritikal dengan memendekkan tempoh proses.

iv. **Pemendekan Proses (Pra-Kelayakan Terpilih):**

- a. Tempoh Iklan dipendekkan kepada tujuh (7) hari.
- b. Penilaian Lembaga Perolehan hanya mengambil masa 30 hari.
- c. Ini mengurangkan tempoh keseluruhan kepada 81 hari (kaedah konvensional) atau 137 hari (*design and build*), berbanding pelaksanaan pra-kelayakan biasa yang lebih lama.

v. **Proses Pra-Kelayakan Biasa (Butiran Tambahan):** Peringkat pertama dibuka kepada semua petender untuk penilaian keupayaan kewangan, latar belakang syarikat, dan rekod tatatertib di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), sebelum petender terpilih ditawarkan untuk memasuki peringkat kedua.

[Rujukan: Muka surat 14-15, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

PERBANDINGAN TEMPOH PELAKSANAAN					
		Tender Terbuka Pra-Kelayakan (PK 2.3)		Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih	
Pra Pelawaan					
PERINGKAT 1	Iklan/Pelawaan	Terbuka	25 hari	Terbuka	7 hari
	Penilaian Lembaga Perolehan	Penilaian kewangan, pengalaman, prestasi atau lain-lain kriteria	180 hari	Penilaian kewangan, pengalaman, prestasi atau lain-lain kriteria	30 hari
PERINGKAT 2	Pelawaan	Telah lulus Peringkat 1	40 hari	Telah lulus Peringkat 1	Konvensional: 14 hari Reka & Bina: 40 hari
	Penilaian Lembaga Perolehan	Penilaian Teknikal	90 hari	Penilaian Teknikal	Konvensional: 30 hari Reka & Bina: 60 hari
	SST				
		335 HARI		Konvensional 81 HARI	Reka & Bina ¹⁶ 137 HARI

(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Selanjutnya **Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan** menjelaskan bahawa **proses tender terbuka pra-kelayakan terpilih** diperkenalkan untuk mengurangkan amalan rundingan terus dan memastikan semua perolehan

dilaksanakan secara tender. Untuk projek-projek yang kompleks dan teknikal seperti reka dan bina (*design and build*), penilaian semua pembida yang masuk akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, MOF membenarkan kementerian untuk menyenarai pendek kontraktor daripada pangkalan data yang telah disaring dan berwibawa yang membolehkan penilaian tender dilakukan dengan lebih singkat.

"Tuan Syahredzan bin Johan (Ahli PAC): *Saya nak penjelasan sikit ya. Sebab kalau kita tengok yang tender terbuka pra-kelayakan ini, kalau yang biasa punya dia kalau penilaian itu 180 hari, tapi kalau terpilih itu 30 hari sahaja. Saya tengok beza dia besar. Saya pasti tak ada, tak ada kompromi dari segi due diligence dan sebagainya. Maksudnya, the same sort of rigorous due diligence.*

Tapi kenapa kita tak boleh kurangkan untuk pra-kelayakan yang biasa yang kita gunakan itu kita kurangkan kepada 30 hari juga. Sebab — ataupun kita pendekkan. Maksudnya kalau kita boleh buat sebenarnya kenapa kita tak buat untuk semua? Kenapa kita masih kekalkan 180 hari itu? Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MoF]: *Yang proses tender terbuka pra-kelayakan terpilih itu dilaksanakan dari segi konteks lah, latar belakangnya ialah pada Kerajaan Madani dah masuk. Isunya ialah — sebenarnya dikurangkan amalan rundingan terus. Sebenarnya pada sejak Kerajaan Madani masuk kontrak-kontrak biasa tidak lagi dilaksanakan secara rundingan terus sama ada you know jalan, sekolah dan sebagainya. So, semuanya dilaksanakan secara tender. Hanya jika dilaksanakan secara tender, contohnya lah kalau dilaksanakan projek design and build contohnya, dia tak boleh nilai — kalau nak nilai kesemuanya, pembida yang masuk ia mungkin akan mengambil masa yang lama.*

So, apabila dibuat tender pra-kelayakan terpilih, MOF membenarkan kementerian senarai pendek daripada database ataupun kontraktor yang dah disaring berwibawa, mereka boleh hadkan ke contohnya lima ke 10 kontraktor yang sepatutnya dah disaring dan memenuhi syarat untuk membuat proses tender lah. So, disebabkan bilangan petender itu dikurangkan ia membolehkan penilaian tender dengan lebih singkat lah..

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *Jadi pool dia smaller pool lah, lagi kecil lah untuk dapatkan yang ini.*

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *So, yang apa maksud terpilih ialah Kementerian Kewangan membenarkan kementerian yang terlibat yang diberikan kelulusan laksana itu untuk senarai pendekkan kontraktor untuk dijemput untuk tender tersebut."*

[Muka surat 15-16, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Pembatalan Tender Terhad

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga memaklumkan bahawa *selective tender* (tender terhad) telah dibatalkan kerana telah ditambahbaik kepada tender terbuka pra-kelayakan. Tender terbuka pra-kelayakan

terpilih adalah penambahbaikan kerana ia melibatkan dua (2) peringkat, di mana syarikat yang berminat perlu melalui proses saringan keupayaan teknikal dan kewangan.

"Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa (Ahli PAC): Sambung Bangi tadi. Dulu ada kategori selective tender terutamanya bagi G1, G2 lah di PBT, di JKR daerah dan sebagainya. Dia hanya jemput 10 kontraktor wibawa lah, wibawa yang ada track record yang baik. Boleh ke tak boleh buat lagi sekarang?

Datuk Johan Mahmood Merican (MOF): Kami telah batalkan yang selective tender, tender terhad. Sebab pada masa itu walaupun disebut sepatutnya ini semua petender yang berwibawa tapi dia tidak masuk dalam satu proses saringan lah. So, yang untuk tender terbuka pra-kelayakan terpilih memang ada dua— macam ada dua peringkat lah. Yang pertamanya dah mesti ada — kementerian yang terlibat mesti ada satu proses di mana syarikat-syarikat yang berminat dah melalui satu saringan lah dari segi keupayaan teknikal dan kewangannya untuk melayakkan diri untuk dipilih untuk tender pra kelayakan terpilih lah. So, ini boleh dikatakan satu penambahbaikan berbanding dengan amalan tender terhad sebelum ini lah."

[Muka surat 16, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.5. Rundingan Terus

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa bagi rundingan terus, memadai jika salah satu kriteria dipenuhi. Kementerian-kementerian perlu memohon kepada MOF dengan memberikan asas permohonan dan tertakluk kelulusan MOF.

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ... Yang kedua, rundingan terus, direct nego itu ada lima kriteria itu, kan? Sama ada kriteria itu lima-lima perlu dipenuhi ataupun kalau memenuhi satu kriteria itu pun boleh direct nego?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang itu, untuk direct nego, yang itu hanya salah satu daripada — contohnya kalau dia merupakan aspek keselamatan, dia tak perlu memenuhi kriteria bumiputera ataupun hanya satu punca hanya salah satunya untuk rundingan terus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, soalan susulan, maknanya kalau misalnya kelima itu, kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera, maknanya boleh direct nego-lah? Satu — memenuhi satu kriteria itu saja?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tak. Dia merupakan kriteria, tetapi masih tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Kewangan. Walaupun mungkin di peringkat — so, kementerian akan memohon kepada Kementerian Kewangan, sama ada dia boleh buat sesuatu rundingan terus dan mungkin dia akan bagi asasnya dan dia akan guna antara lima asasnya. Tapi dia tidak automatiklah.

So, ini masih tertakluk kepada budi bicara Kementerian Kewangan sama ada atau asasnya secukupnya kukuh untuk dipertimbangkan untuk rundingan terus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya proses di semua peringkat kementerian, nak direct nego perlu dapat kelulusan daripada MOF?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Ya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Ya. Betul. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: That means sama ada quantum itu, tak kiralah berapa banyak, direct nego je mesti MOF punya approval.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Ya.”

[Muka surat 8-9, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa amalan rundingan terus kini telah berkurangan berbanding sebelum ini. Beliau menjelaskan bahawa rundingan terus kini biasanya hanya dilaksanakan untuk kes-kes yang melibatkan aspek keselamatan atau apabila hanya terdapat satu pembekal. Selain daripada itu, kebanyakan perolehan kini dibuat secara tender, termasuk tender pra-kelayakan terpilih.

“Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya cuma nak pastikan. So, kontrak rundingan terus ini still dilaksanakanlah dengan lima kriteria tadi? Masih berjalanlah?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tadi, saya boleh mengesahkan bahawa dari segi amalan rundingan terus pada masa, pada pihak Kerajaan MADANI ini sekarang, memang jauh lebih rendahlah daripada sebelum ini. Sebab, projek-projek biasa kita tak buat secara — I mean, projek biasalah macam sekolah, jalan dan sebagainya. Tak ada lagi sejak dalam dua tahun lebih ini, tak ada secara rundingan terus.

Hanya setakat inilah, berdasarkan apa yang saya boleh ingat. Biasanya, yang dilaksanakan secara rundingan terus ialah — biasanya ialah yang melibatkan aspek keselamatan.


Ada yang bila melibatkan hanya satu pembekallah. Contohnya, bila beri macam perisian Microsoft, contohnya macam itu bila dah ada satu pembekal. Selain daripada itu, biasanya semua dibuat secara tenderlah dan juga, termasuk juga yang tadi disebut, yang tender pra-kelayakan terpilih. Mungkin, yang itu sebagai kaedahnya.”

[Muka surat 21, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.6. Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF menjelaskan Lembaga Perolehan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha

(KSU) Kementerian/ Agensi, dengan wakil MOF dan JKR sebagai ahli tetap seperti slaid berikut:



(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

[Rujukan: Muka surat 13, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.6.1. Had Nilai Pihak Berkuasa Melulus (PBM)

HAD NILAI PBM

Rujukan: PK2.1/ para 19.6
WP7.5/ para 3

	LP KEMENTERIAN/ JABATAN KERJA RAYA	LP PERSEKUTUAN SABAH/ SARAWAK	LP BADAN BERKANUN		LP SYARIKAT KERAJAAN
			Dana Kerajaan Persekutuan	Dana Dalam BBP	
Tender Kerja	sehingga RM100 juta	sehingga RM30 juta	sehingga RM100 juta	sehingga RM500 juta	sehingga RM300 juta
Tender Bekalan/ Perkhidmatan	sehingga RM50 juta				

(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Dato' Hajah Norison binti Ramli turut menjelaskan had nilai kelulusan perolehan untuk kategori seperti berikut:

i. **Tender Kerja:**

- Projek bernilai RM100 juta dan ke atas hendaklah dirujuk ke PBM MOF.

ii. **Bekalan dan Perkhidmatan:**

- Projek bernilai RM50 juta dan ke atas hendaklah dirujuk ke PBM MOF.

Manakala bagi MOF di Sabah dan Sarawak, perolehan yang boleh diluluskan sehingga RM30 juta dan nilai melebihi RM30 juta perlu dihantar ke Ibu Pejabat MOF.

“Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ... Okey, untuk tender kerja sebagaimana disebut tadi, RM100 juta ke atas, dia akan datang ke MOF. Untuk bekalan perkhidmatan, lebih RM50 juta akan datang ke MOF. Tetapi untuk MOF Sabah dan Sarawak, setakat RM30 juta diluluskan oleh MOF di Sabah dan Sarawak dan selebihnya kena datang ke MOF HQ...”

[Muka surat 13, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.6.2. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Badan Berkanun

PIHAK BERKUASA MELULUS BADAN BERKANUN



Sehingga 1 Ogos, MOF telah melaksanakan penambahbaikan kepada Pekeliling Perbendaharaan WP7.5 berkaitan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dengan mengambil kira, antara lain teguran Jabatan Audit Negara mengenai proses perolehan.

1

Bagi BBP yang menerima dana Persekutuan (sebahagian /sepenuhnya) dan mempunyai wakil MOF dalam Lembaga Pengarah, wakil MOF atau Ahli Ganti MOF tersebut hendaklah menganggotai Lembaga Perolehan dan merupakan **ahli yang membentuk kuorum**.

2

Bagi BBP yang menggunakan dana dalaman sepenuhnya, perolehan bernilai **RM500 juta ke atas** bagi nilai pakej keseluruhan hendaklah dimuktamadkan oleh MOF melalui perakuan Lembaga Pengarah.

(Sumber: Slaid Pembentangan MOF bertarikh 4 Ogos 2025)

Dato' Hajah Norison binti Ramli telah memaklumkan bahawa mulai 1 Ogos, MOF telah melaksanakan penambahbaikan untuk Badan Berkanun yang mewajibkan kehadiran wakil MOF dalam mesyuarat Lembaga Pengarah seperti peruntukan di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5.

“Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ... Okey, untuk mulai 1 Ogos ini, MOF telah melaksanakan beberapa penambahbaikan kepada badan berkanunlah. Badan berkanun di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5 iaitu kita mensyaratkan semua badan berkanun, ahli lembaga pengarah mesti ada wakil daripada MOF dan juga ada — kalau wakil MOF tak boleh datang, ahli ganti kena ada. Dia tak boleh bersidang tanpa kehadiran wakil daripada MOF...”

[Muka surat 14, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Dato' Hajah Norison binti Ramli turut menjelaskan bahawa terdapat dua (2) keadaan berhubung had nilai Badan Berkanun seperti berikut:

- a. **Badan Berkanun yang bersandar kepada kerajaan (gaji dibayar kerajaan):** Tertakluk kepada prosedur sedia ada, iaitu RM100 juta ke atas hendaklah dirujuk kepada PBM MOF.
- b. **Badan Berkanun yang tidak disandarkan Dasar Saraan Kerajaan (gaji menggunakan peruntukan dalaman):** Perolehan di bawah RM500 juta diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah masing-masing. Perolehan RM500 juta dan ke atas hendaklah dirujuk kepada PBM MOF.

“Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ... Untuk badan berkanun, dia ada dua. Badan berkanun yang bersandar kepada kerajaan ini, yang dibayar gaji oleh kerajaan, dia tertakluk kepada prosedur sedia ada iaitu RM100 juta ke atas kena datang ke MOF. Tapi badan berkanun yang tidak disandarkan Dasar Saraan Kerajaan, dia bayar gaji sendiri, lebih daripada RM500 juta baru datang ke MOF sebab dia menggunakan peruntukan dalaman. Maknanya peruntukan dalaman bawah RM500 juta di bawah kelulusan ahli lembaga pengarah. Untuk syarikat kerajaan, GLC, RM300 juta ke atas kena datang ke MOF. Di bawah itu adalah kuasa board of directors masing-masinglah.

...

Yang seterusnya saya kata tadi, melebihi — badan berkanun yang tidak disandarkan Dasar Saraan, RM500 juta ke atas perlu dimuktamadkan di MOF jugalah.”

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.6.3. Pihak Berkuasa Melulus (PBM) Syarikat Kerajaan (GLC/ MKD)

Dato' Hajah Norison binti Ramli menjelaskan bagi Syarikat Kerajaan (GLC/ MKD), perolehan bernilai RM300 juta ke atas hendaklah dirujuk kepada PBM MOF. Manakala khusus untuk FELCRA, hadnya lebih rendah, iaitu apa-apa perolehan atau pelaburan melebihi RM125 juta hendaklah dirujuk kepada PBM MOF.

“Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: .. Okay, next adalah syarikat-syarikat milik kerajaan, MKD. Untuk RM300 juta ke atas, syarikat-syarikat milik kerajaan yang biasa, tetapi untuk FELCRA ada special sikit. Untuk FELCRA, apa-apa perolehan ataupun pelaburan melebihi RM125 juta, kena datang ke MOF. Dia rendah sikit dia punya kadar itulah. Tapi, untuk MKD biasa RM300 juta ke atas. Hanya untuk FELCRA lah.”

[Muka surat 14, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Datuk Johan Mahmood Merican menjelaskan bahawa perbezaan had perolehan FELCRA berbeza daripada agensi di bawah MOF yang lain telah ditetapkan pada tahun 2014, mengambil kira kebergantungan FELCRA yang tinggi terhadap peruntukan kerajaan pada masa itu.

“Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ada satu soalan. Kenapakah had FELCRA berlainan daripada MKD lain?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang ini, balik kepada — ini dah tahun 2014. I think pada masa itu juga, walaupun FELCRA dia syarikat, tetapi FELCRA juga mendapat banyak peruntukan daripada kerajaan DE lah. So, dengan itu, pada masa tersebut, difahamkan keputusannya dibuat supaya mengambil kiralah kebergantungan FELCRA kepada peruntukan kerajaan, ditetapkan satu nilai ambang yang lebih rendah.”

[Muka surat 20-21, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.7. Pemilihan Tender dan Penilaian Harga Terendah

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa secara amnya, kelulusan tender diberikan kepada tawaran harga terendah yang telah melepasi penilaian teknikal dan kewangan. Namun begitu, bagi projek-projek tertentu yang kompleks dan teknikal, pertimbangan boleh diberikan kepada petender yang mungkin bukan yang terendah dari segi harga, tetapi mempunyai skor teknikal yang jauh lebih tinggi.

Selain itu, **Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF** menjelaskan bahawa jika petender dengan tawaran terendah mempunyai beban kerja yang terlalu banyak, peluang akan diberikan kepada petender lain.

"Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri (Ahli PAC): Tuan Pengerusi, saya ada satu soalan. Merujuk kepada carta proses perolehan kerajaan tadi, selepas sesuatu tender itu dinilai oleh jawatankuasa penilai dan diperakui oleh urus setia dan di peringkat pertimbangan oleh pihak berkuasa meluluskan itu, saya nak mohon pencerahan apakah kaedah ataupun kriteria memilih sama ada ia nya menggunakan penender yang terendah ke ataupun menggunakan min ke ataupun adakah ia nya apa nama ini, ada satu kaedah yang apply across the board ataupun berbeza daripada agensi kepada agensi?"

Sebab kadang-kadang ada yang menggunakan min, ada yang menggunakan harga yang terendah dan sebagainya.

Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat, secara amnya, kelulusan akan — untuk tenderlah, kelulusan akan diberikan kepada harga terendah yang lulus penilaian dari penilai teknikal dan kewanganlah. Itulah secara amnya asas untuk pertimbangan.

Tetapi ada juga bila dilihat kes-kes tertentu, contohnya mungkin bila satu perkara ini lebih melibatkan satu projek yang kompleks dan teknikal, kadangkala pertimbangan diberikan di mana mungkin petender yang bukan terendah, tetapi skor teknikal dia mungkin jauh lebih tinggi [Tidak jelas] budi bicara dilaksanakanlah untuk membenarkan perbezaan daripada apa yang secara amnya diamalkan.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Tak semestinya terendah?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tak semestinya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kadang-kadang Yang Berhormat, kalau dia dapat harga terendah tetapi kerja dalam tangan terlalu banyak pun kita akan bagi kepada yang lain peluang kepada yang lain."

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.7.1. Penetapan Julat Harga Bagi Sesuatu Tender

Datuk Johan Mahmood Merican turut menjelaskan bahawa tatacara perolehan bertujuan memilih petender terbaik, dan secara amnya, harga terendah yang lulus penilaian teknikal dan kewangan akan diluluskan. Beliau memaklumkan bahawa MOF tidak menetapkan peraturan julat untuk sesuatu tender. Sebaliknya, ia diserahkan

kepada jawatankuasa spesifikasi perolehan. Julat ini dibandingkan dengan anggaran jabatan atau dikira secara statistik untuk mengenal pasti pembidaan yang munasabah.

Dato' Hajah Norison binti Ramli turut menjelaskan bahawa bagi tender kerja terdapat *cut off* sebanyak 15 peratus di bawah dan 15 peratus di atas anggaran jabatan. Hanya petender yang berada dalam julat ini akan dipertimbangkan untuk peringkat akhir. Walau bagaimanapun, tender perkhidmatan tidak mempunyai julat penetapan kerana ia bergantung kepada kerumitan projek.

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Pasal isu terendah, tak terendah ini, maknanya – itulah, maknanya ada dalam prosiding PAC pun ada beberapa ketika itu di mana disebutkan bahawa disebabkan benda itu tak berlaku, kerana kerajaan ataupun agensi itu ambil tender yang terendah, yang menyebabkan tidak — none performance of the vendor-lah.*

Lepas itu, ada juga prosiding dalam PAC mengatakan bahawa dalam perbincangan prosiding itu mengatakan bahawa MOF ataupun proses itu menetapkan band dia — plus or minus 10 percent yang membolehkan lantikan. Jadi, ada yang gunakan terendah, ada gunakan band plus or minus 10 percent.

Jadi, macam mana keputusan akhir dibuat sama ada nak gunakan band plus or minus 10 percent ataupun yang terendah itu?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *Yang Berhormat, yang pertamanya, dari segi isu yang berbangkit bila projek tidak — gagal ataupun tidak berjaya dilaksanakan, tatacara perolehan adalah untuk memastikan petender yang terbaik dipilih, kan?*

So, tadi saya sebut secara amnya, yang akan diluluskan ialah harga terendah yang lulus penilaian teknikal dan kewangan. Selain daripada itu, apa yang Yang Berhormat sebut pun dalam garis panduan perolehan kita tetapkan julat untuk menentukan apa — pembinaan itu adalah munasabah.

Tetapi, pihak kami tak tetapkan untuk sesuatu tender sama ada dia 10 ataupun 15 peratus. Yang itu terserah kepada pelaksana ataupun jawatankuasa spesifikasi untuk perolehan tersebut sama ada dia nak gunakan 10 ataupun 5 ataupun 15 peratus, yang itu di peringkat — tapi yang itu...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Cut off.*

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *Cut off julat itu ialah berbanding dengan anggaran jabatanlah.*

Ada juga untuk cut off yang dikira secara statistiklah untuk projek kerja is a statistical way of trying to see what is a reasonable bid-lah dia nak keluarkan outlier. Yang itu pun juga digunakan untuk projek-projek kerja. So that, harapnya bila digunakan kaedah-kaedah tersebut, petender yang di dalam pertimbangan adalah berdasarkan mereka yang munasabah dan cukup berwibawa untuk melaksanakan projek tersebutlah. Itulah yang dihasratkan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *Maknanya julat itu memang MOF tak tentukanlah?*

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *Tetapi kita tetapkan mesti adalah. Mesti ada. Julat itu mesti ada tapi untuk jawatankuasa spesifikasi untuk tentukan..*

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: *15 peratus, kan? [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Untuk kerja ada juga. Bekalan dan perkhidmatan tak ada. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Untuk tender kerja, memang — cut off itu, harga yang cut off, yang dia atas cut off 15 peratus, di bawah cut off 15 peratus. So, yang 15 peratus juga. Maknanya, yang petender itu sahaja yang akan diangkat sebagai peringkat akhir nanti.

Tapi untuk tender perkhidmatan, kita tak tetapkan. Sebab dia tertakluk kepada kompleksiti oleh projek-projek perkhidmatan tersebutlah. Tapi untuk projek kerja macam jalan apa semua, memang kita tetapkan satu cut off dan ada julat dia.

Maknanya 15 peratus itu Tan Sri daripada anggaran jabatan. Daripada anggaran jabatan. So, yang itu yang kita boleh tapislah berapa ramai yang masuk di bawah julat tersebut.”

[Muka surat 10-12, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.7.2. Risiko Penglibatan Kartel Dalam Perolehan Kerajaan

Berhubung kebimbangan PAC mengenai kemungkinan terdapat risiko penyalahgunaan sistem tender kerajaan oleh kartel yang mana terdapat kemungkinan berlakunya pembidaan yang ramai untuk mempengaruhi *cut off* harga, **Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan** menjelaskan bahawa MOF sedang berusaha meningkatkan kerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk menangani isu ini.

Dato' Hajah Norison binti Ramli turut menjelaskan bahawa anggaran jabatan kini dipamerkan yang membolehkan semua petender mengetahui anggaran harga.

"Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan (Ahli PAC): ...Tapi okey — untuk makluman saja, saya nak masuk juga dalam Hansardlah. Kita dengar dan saya juga ada dalam ya lah dalam bidang ini, kan? Dia ada kartel-kartel yang masuk — puan, rekod dalam Hansard saja — maknanya kartel dia dah tahu julat itu dalam tender dokumen pun ada sebut plus or minus 10 peratus.

Jadi, kartel ini akan masuk 50 syarikat, kawan-kawan, geng-geng dia semua masuk dan dia masuk semua dalam julat yang itulah. Jadi, the final-nya shortlisted pun di kalangan mereka juga. Akhir sekali dapat di kalangan mereka. Itu bukan ini, bukan theoretical. Dia memang berlaku dan sentiasa berlaku yang rasa saya kita kena mempunyai satu kaedah yang lain untuk menangani — keadaan ini.

Datuk Johan Mahmood Merican (MOF): Yang Berhormat, itu possible lah. Bila dia buat pembidaan yang — bilangan yang ramai, dia dapat dari segi pembidaan harga dia, dia dapat mempengaruhilah dari segi cut off itu bila dia ada — tapi Kementerian Kewangan juga cuba meningkatkan kerjasama dengan MyCC untuk kita cubalah nak mengurangkan ataupun nak mengenal pasti bila perkara ini berlaku.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah. Maknanya ada yang — contohnya, maknanya julat jabatan punya anggaran RM500 juta. Plus or minus 10 percent, jadi kita dapat plus or minus yang RM50 juta. Ada syarikat yang boleh buat even at RM400 million. Tapi oleh kerana RM400 million di luar julat itu, syarikat itu disqualified sungguhpun syarikat itu yakin yang boleh buatlah at RM400 million. Itu satu senario yang bukan theoretical, ini memang benar-benar berlaku over the berpuluh tahun yang saya dalam industri kontrak kerja inilah.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Sorry. Kalau kita keluar julat itu lagi banyak nak kena nilai itu. Sebab sekarang ini Tan Sri, kita pameran anggaran jabatan, dulu kita tak pameran...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kejap, kejap. Cop, cop. Cop, cop, pembetulan. Saya atuk, bukan Tan Sri, bukan Datuk Seri, bukan apa. [Ketawa]

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ...YB, YB. Apa, sekarang ini anggaran jabatan YB, kita pameran. Jadi, semua yang masuk itu boleh nampaklah anggaran jabatan. Dulu kita tak pameran, pun jadi isu pula bila tak pamer. Sekarang bila kita pamer pun dia orang masuk dah tahu harga anggaran jabatanlah. Okey, saya teruskan Yang Berhormat."

[Muka surat 12-13, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.8. Pengecualian/ Kelonggaran Dalam Prosedur Perolehan

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa MOF memberikan kelonggaran atau pengecualian daripada garis panduan biasa dengan had nilai tertentu bagi program khas seperti penyelenggaraan sekolah. Walau bagaimanapun, kelonggaran ini memerlukan kelulusan khusus daripada MOF dan tertakluk kepada permohonan daripada agensi atau Pegawai Pengawal.

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF turut menjelaskan bahawa tiada iklan diperlukan untuk pembelian terus, contohnya pengecualian yang diberikan kepada ICU untuk projek seperti lampu jalan kampung, namun tetap memerlukan permohonan dan kelulusan daripada Pegawai Pengawal.

"Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa (Ahli PAC): ... Untuk pembelian terus ini, 50,000, tempoh iklan ini maknanya tak ada iklan sebenarnya kan?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Tak ada iklan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tak ada iklan? Dia just given, janji ada tiga quotation. Okey, ada program-program khas kerajaan. Saya ambil contoh seperti SejaTi MADANI. Dia RM100,000. RM100,000. Dia tak ada lantikan apa — ada sebut harga sebagainya. Dia hanya hantar

tiga quotation and then, kita pilih yang paling rendah. Adakah itu diluluskan ataupun tidak ? Bukan hanya SejaTi MADANI lah. Ada program-program yang lain.

Macam program-program daripada Kementerian Ekonomi. Direct RM100,000. Dia boleh bagi terus. Bolehkah tak boleh?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat Tampin. Seperti mana yang ditanya, ada projek program khusus di mana Kementerian Kewangan memberikan had nilai ataupun macam pengecualian daripada garis panduan biasa dan diberikan had nilai tertentu. So, itulah. Contohnya, kelonggaran untuk penyelenggaraan sekolah. Itu kita tingkatkan daripada garis panduan yang ada.

Tapi yang itu dengan kelulusan khusus daripada Kementerian Kewangan untuk program-program tertentu.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang tak ada, tak bolehlah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Saya ambil contoh satu lagi. Projek-projek daripada Ahli Parlimen sendiri. Okey, kita ada projek RM100,000. Bolehkah diberi pengecualian untuk buat sebut harga. Setakat ini tak bolehlah. Setakat ini tak boleh. Tapi, Ahli Parlimen, dia kena hantar ICU. ICU akan buat sebut harga juga. Bolehkah Ahli Parlimen request kalau projek RM100,000 ini, boleh dibuat, dia bagi pembelian terus?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang itu, yang itu tertakluk kepada permohonanlah. Seperti contoh yang tadi, YB sebut macam SejaTi MADANI ada permohonan khusus daripada agensi yang berkenaan kepada MOF dan pihak kami pertimbangkan atas apa asas-asas tertentu tetapi ia tertakluk kepada permohonan daripada agensi yang apa — Pegawai Pengawal yang menjaga peruntukan tersebut.

...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Terima kasih. Sebenarnya yang Datuk KSP maklum tadi, kita ada contoh. ICU itu, contoh lampu jalan kampung semua itu, kita bagi pengecualian tapi kena mohon. Kena mohon dengan kelulusan Pegawai Pengawal."

[Muka surat 4-5, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.9. Keutamaan Syarikat Bumiputera

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan menjelaskan bahawa dalam proses tender, keutamaan akan diberikan kepada petender bumiputera. Kriteria untuk syarikat bumiputera bukan sahaja melibatkan ekuiti, tetapi juga merangkumi aspek pengurusan tertinggi, kawalan kewangan dan bilangan pekerja. Pengiktirafan bumiputera boleh didapati di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Maklumat lanjut mengenai kategori pembuat bumiputera dan had nilai diperuntukkan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PK 1.5.

“Dato’ Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ... untuk kategori pembuat bumiputera ini di bawah pekeling 1.5 kita ada threshold dialah.

So, biasanya bila kita open kepada tender, berapa ramai yang masuk ataupun sebab apa, berapa ramai yang masuk, keutamaan adalah kepada petender bumiputera. Maknanya kita tengok juga dari segi berapa bilangan pekerja dia, berapa ekuiti dia. Jadi, kita tengok kompeni mana yang lebih kepada bumiputera, kita bagi keutamaan kepada bumiputera.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, kalau boleh nak put on record-lah, kalau kita define syarikat pembuat bumiputera ini, apa kriteria syarikat pembuat bumiputera itu? Maknanya apa? Ekuiti bumiputera 51 peratus ke atas ataupun 100 peratus atau berapa? That means, apa yang syarikat and put on record-lah.

Syarikat dikira sebagai pembuat bumiputera itu...

Dato’ Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Jadi mendapat kalau di bawah KUSKOP, dia mendapat pengiktirafan bumiputeralah. Kategori bawah SSM pun ada istilah bumiputera.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Kira bumiputera juga bukan sahaja ekuiti tapi juga dari segi pengurusan tertinggi, kawalan atas kewangan dan juga dari segi pekerjanya. Ada beberapa syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk dapat taraf bumiputera.”

[Muka surat 9, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.10. Kewajipan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Dalam Perolehan Kerajaan

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa TCC yang diwajibkan untuk semua kontraktor bertujuan mengurangkan ketirisan dan ketidakpatuhan cukai selain memastikan semua perniagaan berdaftar dan membayar cukai yang sepatutnya.

Dato’ Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF memaklumkan bahawa pelaksanaan TCC telah dimulakan pada 1 Julai 2025 berikutan kejayaan fasa rintis dan proses mendapatkan sijil adalah melalui LHDN.

Datuk Johan Mahmood Merican turut menyatakan MOF akan mengkaji semula bagi memudahkan urusan borang untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), namun menegaskan prinsip keadilan cukai perlu dipatuhi.

“Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: ...Yang kedua, yang ini agak sensitiflah di bawah sekarang. Mengenai kontraktor G1. Sekarang, diwajibkan kontraktor ini semua mesti ada daftar dengan Sijil Pematuhan Cukai (TCC). Walaupun kontrak itu kecil, mungkin dapat kerja setahun. Tahun lepas tak dapat, tahun ini dapat. Kerja RM20,000, itu pun perlu ada TCC. Tak ada TCC, tak layak untuk masuk sebut harga ataupun kerja given pun tak boleh. So, apa pandangan?

...

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: ... soalan keduanya ialah secara amnya, isu cukai ialah di mana kerajaan ingin mengurangkan apa yang disebutkan ketirisan cukai atau ketidakpatuhanlah, yang itulah. Sebab nak memastikan bahawa mereka yang patut bayar, bayar. So, isu mendapatkan sijil tersebut sepatutnya hanya untuk — dia hanya mendapatkan LHDN lah untuk beri pengesahan bahawa tidak berlaku sebarang ketidakpatuhan cukai.

Sebab itu semua perniagaan sepatutnya berdaftar dengan LHDN, itu satu ketetapan dan sijil ini saja untuk memberi pengesahan bahawa tidak berbangkit isu yang mana dia tak submit tax filling ataupun tak membayar cukai yang dikenakanlah. So, itulah satu yang pihak Kementerian Kewangan dah baru mula, tahun ini?

Dato’ Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Sebelum ini kita buat secara rintis dan bila kita laksanakan secara rintis, kita nampak feedback daripada kontraktor, tak bermasalah. Jadi, kita kuatkuasakan 1 Julai baru-baru ini. Maknanya selepas ini jadi salah satu syarat wajib.

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Bila dah kuat kuasa ini dia orang bisinglah. [Ketawa]. Mungkin ada sikit kelonggaran. Mungkin kalau kerja given ini RM20,000 tak payahlah. Contohnya, contoh. Sebab ini saya nak menyampaikan rungutan di bawahlah. Kadang-kadang kena dengarlai rintihan orang. Dapat projek setahun sekali. Itu nak buat — kena bayar caj. Dia orang ini tak reti nak buat sendiri. Dia kena pakai akauntan apa semua, kena bayar, kena caj.

Dato’ Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kalau dia lantik perunding, ya. Kalau dia terus pergi kepada LHDN macam biasalah. Macam kita daftar e-Filing kita sajalah. Tak ada isu.

Sebenarnya, SSM dulu, SSM dengan Lembaga Hasil dah pun ada link. Setiap kali syarikat itu dah berdaftar dengan SSM automatically dia akan pergi ke Lembaga Hasil. Cuma, selama ini dia tak kemukakan borang itu. Sekarang kita minta dia kemukakan borang itu.

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Isu dia satu saja dia beritahu, kerajaan zalim, kerajaan nak tarik semua orang ini nak bayar cukai. Kerajaan dah tak ada duit. Itu jawapan kat bawah. Ini cerita kat bawahlah yang tak tahulah keadaan.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Okey, mungkin pihak kami akan kaji semula sama ada supaya borang tersebut mungkin dapat dipermudahkanlah terutamanya untuk syarikat PMKS. Itu mungkin satu perkara yang pihak kami dapat kaji. Tapi — minta maaf, kadangkala MOF ini selalu macam hati keringlah tapi isunya untuk kami ialah ...

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: YB-YB ini hati tisu. [Ketawa]

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: [Ketawa]. Sebab kami berpandangan perlu satu keadilan di antara mereka yang bayar, mereka yang tak bayar. So, sepatutnya kalau perlu bayar sepatutnya patuhlah. Itulah pandangan kami. Minta maaf, YB.”

[Muka surat 21-23, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

Pemerhatian PAC:

Kementerian Kewangan (MOF) disarankan mengadakan sesi penerangan atau kempen kesedaran kepada kontraktor, terutamanya mengenai proses dan keperluan seperti Sijil Pematuhan Cukai (TCC), bagi membantu kontraktor memahami dan memudahkan pematuhan, serta mengelakkan persepsi negatif. Selain itu, LHDN juga disarankan untuk turun padang bagi membantu kontraktor mendaftar syarikat.

3.11. Perolehan Kreatif/ Pecah Kecil Kontrak

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bahawa secara amnya, pecah kecil tidak dibenarkan, namun beliau tidak menafikan bahawa *creative procurement* mungkin berlaku, terutamanya selepas kerajaan mengurangkan amalan rundingan terus. Namun, MOF kini mengambil tindakan tegas terhadap spesifikasi tender yang berat sebelah kepada pembekal tertentu. Sekiranya hanya seorang pembida lulus penilaian teknikal dan kewangan, MOF akan membatalkan tender dan akan ditender semula.

“YB Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ... Saya nak tanya tentang bagaimana MOF mengenal pasti ataupun membendung apa yang saya boleh sebutkan sebagai creative procurement. Selalu kita sebut creative accounting, kan? Creative procurement ini maksudnya nilai dia sepatutnya kalau had tertentu dia mesti kena bawa ke MOF dapat kelulusan tapi dia avoid going through MOF, dia pecahkan jadi... Dua ke jadi tiga tapi elemennya sama.

***Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]:** Secara amnya, kita tak benarkan pecah kecil. Itu secara amnya tetapi apa Yang Berhormat sebut, saya tak boleh nafikan. Bila kerajaan semasa mengurangkan amalan rundingan terus, nampaknya seolah-olahnya ada lagi kreativiti.*

Antara yang pihak Kementerian Kewangan dah mula perhatikan dan dah mula cuba mengambil pendirian yang lebih tegas ialah kadangkala dilihat seolah-olahnya bila dipanggil tender, spesifikasinya menjurus kepada pembekal tertentu dan ini dilihat bila ada tender — walaupun ramai mengambil bahagian, hanya seorang sahaja yang dapat lulus selepas peringkat teknikal dan kewangan.

So, Kementerian Kewangan dah mula juga, dah mula bila kita dapati keadaan tertentu seperti itu, pihak kami akan membatalkan tender tersebut dan minta tender semula. Tetapi, yang ini masih — saya tak boleh katakan perkara ini dah selesai tetapi pihak kami menyedari keadaan ini mungkin berlaku dan cuba mengambil langkah-langkah untuk menanganinya, Yang Berhormat.”

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.12. Pentadbiran Kontrak

3.12.1. Isu Lanjutan Masa (EOT)

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan menjelaskan bagi projek yang mengalami kelewatan, pertimbangan dan keputusan sama ada untuk memberikan kelulusan lanjutan masa (EOT) atau menamatkan kontrak adalah tertakluk di bawah keputusan dan pertimbangan Pegawai Penguasa (SO). Beliau menyatakan bahawa proses perolehan semula bagi kontraktor yang ditamatkan kontrak akan menyebabkan kelewatan dan peningkatan kos selanjutnya.

“Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada lagi? Terima kasih. Mungkin tak berkaitan tetapi mungkin, dari segi prosedur tender ini, EOT. Saya ada satu, kita ada kes di PAC ini. EOT dia sampai berapa, 10 tahun? 15 tahun?”

...

Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: ... So, ada kaedah tak kita nak elakkan terlalu lama EOT ini, projek ini terlalu lama, kan? Macam ada kontraktor ini, dapat keistimewaanlah. Boleh sambung, boleh sambung, boleh sambung. Sepatutnya, dah terminate dah. Tetapi, itu melibatkan kos jugalah. Itu satu.

...

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang pertamanya, saya — pihak kami pun mengakuilah. Isu-isu EOT ini ada projek yang memang sangat lewat jadualnya. Tetapi, ada juga keadaan di mana EOT itu, ada asas yang kukuhnya.

Tetapi, kadangkala yang menjadi satu mungkin, satu cabaranlah ataupun pertimbangan di peringkat SO, yang jaga projeknya. Sebab, dia tahu kalau dia menamatkan kontrak tersebut, proses untuk nak buat perolehan untuk kontraktor penyelamat dan selamat, dan juga akan melibatkan tambahan masa dan juga peningkatan kos.

So, mungkin ada — biasanya, mungkin SO akan mencuba sedaya upaya untuk mengkaji jalan untuk macam memulihkanlah dari segi pelaksanaan kontrak tersebut. Tapi ada jugalah seperti mana saya rasa PAC dapati ada beberapa kontrak di mana memang sepatutnya projek itu sepatutnya ditamatkan lebih awal dan tidak diberikan EoT yang terlalu panjang. So, yang itu satu isulah yang masih saya rasa mungkin belum lagi diselesaikan sepenuhnya.”

[Muka surat 21-22, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.12.2. Pengurusan Arahan Perubahan Kerja (VO) Dalam Perolehan Kerajaan

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF memaklumkan kenaikan kos projek akibat faktor luaran seperti perbezaan mata wang adalah antara pertimbangan untuk kelulusan VO.

“Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: ... Dalam sepanjang prosiding PAC, kadang-kadang kita lihat ada kontraktor yang terima banyak VO. VO after VO after VO, lima enam tahun masih VO. Ini sebenarnya kalau MOF ini pilih kontraktor yang tawarkan harga yang terendah tapi akhirnya lepas lima tahun projek belum siap tapi sudah VO minta pertambahan dana banyak kali. Jadi saya nak tahu sama ada MOF adakah yang menyenaraihitamkan bagi syarikat kontraktor ataupun individu yang sebenarnya sepanjang ini tak dapat deliver lah.”

... Adakah kita tidak akan you know macam memberi pertimbangan sekiranya mereka membida projek di bawah MOF?

....

***Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]:** Di bawah CIDB dia disenaraihitamkan. Itu adalah antara yang perkara yang isunya. Isu VO ini Yang Berhormat, dia kadangkala ada sebab yang asas yang kukuh untuk VO. Contohnya mungkin ada isu yang luar kawalan dan dibenarkan. Atau pun kadangkala apa? Mungkin ada contoh lebih baik.*

***Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]:** Mungkin yang kenaikan kos projek, kadang-kadang kita terpaksa import, currency. Perbezaan currency itu antara yang kita pertimbangkan untuk VO lah. Itu di luar kawalan kita.”*

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.13. Pemakaian Pekeliling MOF

Dato' Hajah Norison binti Ramli, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perolehan Kerajaan, MOF menjelaskan bahawa mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang melaksanakan proses prosedur kewangan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan MOF.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MOF turut memaklumkan bahawa semua agensi kerajaan, badan berkanun, dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menerima peruntukan kerajaan wajib mematuhi peraturan kewangan semasa. Beliau juga menjelaskan bahawa Lembaga Perolehan, yang terdiri daripada wakil JKR dan Kementerian Kewangan,

berfungsi sebagai mekanisme kawalan untuk mencegah amalan pecah kecil dan penyelewengan. Sementara itu, syarikat subsidiari di bawah badan berkanun perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan memaklumkan bahawa badan berkanun yang mempunyai sumber kewangan dalaman dan beroperasi secara bebas mengguna pakai tatacara sendiri yang ditetapkan.

Beliau turut memaklumkan penggunaan dana kerajaan hendaklah mengikut prosedur Kerajaan yang ditetapkan, manakala penggunaan dana dalaman boleh diputuskan di peringkat Lembaga Pengarah. Walau bagaimanapun, ketetapan Jemaah Menteri pada akhir tahun 2024 telah mewajibkan perolehan melebihi RM500 juta perlu dirujuk dan dimuktamadkan di peringkat MOF walaupun menggunakan dana sendiri.

[Rujukan: Muka surat 19-20, Laporan Prosiding bertarikh 4 Ogos 2025]

3.14. Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan

Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan memaklumkan bahawa MOF sedang dalam persiapan untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan yang baharu demi meningkatkan tadbir urus.

“Datuk Johan Mahmood Merican [Kementerian Kewangan (MOF)]: ... Bagi pihak Kementerian Kewangan, pihak kami selalu melihat bagaimana tata kelola perolehan dapat ditambah baik. Antaranya untuk memastikan antaranya proses ini lebih telus, mendapatkan value for money dan pada masa yang sama juga memastikan pelaksanaan projek dapat berjalan dengan lancar.

Antara usaha yang Kementerian Kewangan juga tengah sediakan ialah tak lama lagi Kementerian Kewangan akan bercadang untuk membentangkan RUU Perolehan Kerajaan yang dari segi niatnya adalah untuk memperkukuhkan lagi lah dari segi tata kelola.”

[Muka surat 2, Laporan Prosiding (Taklimat Perolehan) bertarikh 4 Ogos 2025]

Nota:

Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan 2025 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada tahun 2025 seperti berikut:

- Dewan Rakyat: Meluluskan RUU tersebut pada 28 Ogos 2025.
- Dewan Negara: Meluluskan RUU tersebut pada 8 September 2025

4. PENUTUP

Secara keseluruhannya, tatacara perolehan kerajaan adalah penting bagi memastikan perbelanjaan awam dilaksanakan secara cekap, telus, dan bertanggungjawab. Pelbagai kaedah perolehan seperti pembelian terus, sebut harga, tender terbuka dan rundingan terus ditetapkan dengan kriteria dan had nilai yang jelas.

Proses perolehan daripada perancangan hingga pelantikan kontraktor melibatkan beberapa penilaian antaranya penilaian teknikal dan kewangan serta kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus (PBM). Walaupun had nilai kelulusan berbeza mengikut jenis projek dan entiti seperti Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan, prinsip utama adalah untuk memilih petender terbaik berdasarkan penilaian yang dibuat.

Berdasarkan pemerhatian PAC terhadap beberapa isu berhubung pelaksanaan secara *Proof of Concept* (POC) didapati bahawa ia seolah-olah dijadikan satu peluang untuk tidak mengikut tatacara perolehan Kerajaan. Kerajaan seharusnya melihat kepada perkara ini untuk memastikan bahawa sebarang kelompongan tidak dieksploitasi mana-mana pihak.

Oleh itu, PAC menggesa Kerajaan terutamanya MOF, untuk meneruskan usaha dalam menangani isu-isu yang timbul bagi memperkukuh integriti sistem perolehan negara. Tatacara perolehan Kerajaan hendaklah sentiasa dikemaskini termasuk mengukuhkan tadbir urus perolehan kerajaan demi memastikan penggunaan dana awam yang cekap, telus, bertanggungjawab, serta bebas daripada pembaziran dan penyelewengan.

RUU Perolehan Kerajaan 2025 yang telah diluluskan oleh Parlimen hendaklah dilaksanakan sepenuhnya apabila ia berkuatkuasa bagi memperkukuhkan sistem perolehan Kerajaan dan mengurangkan salah laku dan pelanggaran tata kelola serta tadbir urus.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



LAPORAN PROSIDING (HANSARD)





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 4 Ogos 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Taklimat Perolehan Kerajaan dan Pentadbiran Kontrak
oleh Kementerian Kewangan (MOF)**

Kementerian Kewangan (MOF)

**YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican
Ketua Setiausaha Perbendaharaan**

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 4 OGOS 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara)]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Aznirul Fariz bin Alwi [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]
Encik Johan Ariff bin Salim Khan [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

(samb/-)

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha [(Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Aintan Haslinda binti Md Arif [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Encik Chang Ching [Ketua Sektor Intra Agensi (Siasatan)]

Puan Noraineh binti Akop [Penguasa (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)

Tuan Haji Nasran bin Omar [Pengarah (BPOPA)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Puan Fairina binti Jantan [Ketua Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]

Puan Sheela a/p Inthiram [Penolong Pengarah (Akaun Sektor Awam), (Bahagian Ekonomi Makro)]

Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM)

Encik Muhammad Farkhan bin Jasman [Ketua Penolong Pengarah Audit (Bahagian III, Sektor Audit Kewangan)]

Puan Shabarian binti Ariffin [Timbalan Pengarah Audit Kewangan (Sektor Audit Kewangan)]

HADIR BERSAMA**Kementerian Kewangan (MOF)**

YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli [Setiausaha Bahagian, (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

YBhg. Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Setiausaha Bahagian, (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun)]

Encik Ahmad Yudi bin Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian, (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Puan Norul Farhah binti Mustapha [Ketua Seksyen (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Puan Pinta Zulfitri binti Mirza Asfian [Ketua Seksyen Perolehan Kerajaan (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Puan Siti Saharah binti Esa [Ketua Penolong Setiausaha (Teknikal), (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Encik Mohd Fairuz bin Sa'don [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Puan Zaity Zailina binti Razali [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KEEMPAT**

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

ISNIN, 04 OGOS 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.04 tengah hari

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera serta selamat tengah hari. Yang saya hormati Yang Berhormat Ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15, ahli-ahli ex officio daripada JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan juga Penasihat Undang-undang Parlimen. Terima kasih kerana hadir pada tengah hari ini Yang Berhormat, ahli mesyuarat sekalian.

Seperti semua sedia maklum, sesi taklimat oleh Ketua Audit Negara berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara 2/2025 Aktiviti Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Syarikat Kerajaan Persekutuan pada 24 Julai yang lalu masih terdapat banyak isu berhubung dengan perolehan yang telah pun dibangkitkan. Lanjutan itu, PAC telah pun bersetuju untuk memanggil pihak MoF untuk memberikan taklimat khusus kepada PAC berhubung dengan perolehan kerajaan.

Jadi, hadir di hadapan PAC pada hari ini — dah lama tak nampak. Dah lama tak ada. *[Ketawa]*. Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP). Terima kasih, selamat datang Datuk dan juga ahli-ahli delegasi daripada Kementerian Kewangan yang juga hadir pada hari ini. Jadi, saya bagi pihak PAC mengucapkan ribuan terima kasih dan juga setinggi penghargaan kepada Datuk KSP dan juga kepada pihak MOF yang memberikan kerjasama yang baik berhubung dengan taklimat ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini persilakan Yang Berbahagia Datuk KSP untuk memulakan taklimat. Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [Kementerian Kewangan (MOF)]:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam

sejahtera. Salam Malaysia MADANI. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Shah Alam; Yang Berhormat Wangsa Maju; Yang Berhormat Bangi; Yang Berhormat Tampin; Yang Berhormat Betong dan; rakan-rakan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kerana atas jemputan PAC untuk Kementerian Kewangan untuk melaksanakan pembentangan pada hari ini. Seperti mana Yang Berhormat sebut Kementerian Kewangan pun mengambil serius dapatan yang dibuat dalam LKAN berhubung dengan isu-isu perolehan khususnya disebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan selalunya menekan isu tata kelola.

Bagi pihak Kementerian Kewangan, pihak kami selalu melihat bagaimana tata kelola perolehan dapat ditambah baik. Antaranya untuk memastikan antaranya proses ini lebih telus, mendapatkan *value for money* dan pada masa yang sama juga memastikan pelaksanaan projek dapat berjalan dengan lancar.

Antara usaha yang Kementerian Kewangan juga tengah sediakan ialah tak lama lagi Kementerian Kewangan akan bercadang untuk membentangkan RUU Perolehan Kerajaan yang dari segi niatnya adalah untuk memperkukuhkan lagi lah dari segi tata kelola. Tapi untuk hari ini saya serahkan kepada rakan saya Dato' Norison Ramli, Setiausaha Bahagian Perolehan kerajaan untuk memberi pembentangan dan selanjutnya kita bersedia lah untuk menjawab segala soalan. Dipersilakan, Dato'.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [Kementerian Kewangan (MOF)]: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Ahli-ahli PAC. Kita terus pergi kepada taklimat kaedah perolehan kerajaan. Seperti mana yang disebut oleh Datuk KSP, Akta Perolehan Kerajaan akan menggantikan kita punya kaedah perolehan selepas ini lah.

So, di bawah kaedah perolehan kerajaan kita ada seperti mana semua sedia tahu kita ada tender terbuka, kita ada tender terbuka pra-kelayakan, kita ada rundingan terus, kontrak pusat, kontak panel berpusat, *request for proposal* (RFP), sebut harga, pembelian terus dan lantikan terus. Ini tertakluk kepada kadar-kadar setiap pekeliling yang kita tetapkan itu adalah tertakluk kepada kadar.

So, *next* kita pergi kepada kadar dia. Untuk pembelian terus, nilai tidak melebihi RM50,000. Ini biasanya kita buat pada satu hari saja lah. Kita boleh lantik, banding tiga *quotation*, lepas itu kita boleh lantik satu untuk pembelian terus untuk nilai di bawah RM50,000. Manakala, untuk sebut harga, kita biasanya akan buka kepada iklan sebut harga, untuk nilai RM50,000 hingga RM500,000. Walau

bagaimanapun, untuk tender kerja pada tahun ini, kita telah pun memberi kelonggaran di mana kita menetapkan RM1 juta hingga RM3 juta juga adalah di bawah sebut harga. Ini untuk mempercepatkan proses perolehan bagi tender-tender kerja. Untuk tahun ini saja. Kita akan berakhir pada 31 Disember nanti.

Untuk tender terbuka, melebihi RM500,000 kena dibuat secara tender terbuka. Manakala, tender terbuka pra-kelayakan juga untuk RM500,000 ke atas dan melibatkan dua peringkat iaitu peringkat pertama dan peringkat kedua— nanti kita akan tunjuk perbezaan tender terbuka pra-kelayakan dengan tender terbuka pra-kelayakan terpilih.

■1210

Kelima adalah RFP. RFP ini untuk nilai perolehan RM500,000 ke atas. Biasanya untuk projek-projek perkhidmatan dan kebanyakannya untuk melantik perunding-perunding konsultan ini di bawah projek perkhidmatan.

Seterusnya adalah rundingan terus. Rundingan terus ini tak ada had. Walaupun nilai sekecil-kecil nilai pun, kalau dibuat secara rundingan terus tetap kena bawa kepada kelulusan pihak MOF. Untuk rundingan terus, dia tertakluk kepada lima perkara iaitu perkara yang melibatkan kesegeraan. Contohnya, kalau berlaku runtutan ataupun banjir. Ini memerlukan secara rundingan teruslah untuk kita melantik dengan beberapa kontraktor-kontraktor untuk maksud penyeragaman.

Maknanya, sekarang ini kita nak seragamkan apa yang sudah ada dan dengan yang akan datang. Jadi, kita buat secara rundingan terus dan yang paling penting adalah sekiranya hanya ada satu pembekal sahaja. Itu juga kita buat secara lantikan rundingan terus dan yang lain-lain itu adalah melibatkan isu keselamatan. Kalau yang lain-lain tender masuk ianya tertakluk kepada kelulusan CGSO ternyata, isu-isu keselamatan, kita terpaksa lantik yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Terakhir adalah yang melibatkan kontraktor bumiputera. Kita ada pekeliling di bawah PK 1.5, khusus untuk bumiputera, mengikut *threshold* yang telah ditetapkan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya sila.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Boleh tanya terus ya?

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Boleh, boleh.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *Ha*, okey. Untuk pembelian terus ini, 50,000, tempoh iklan ini maknanya tak ada iklan sebenarnya kan?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada iklan.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Tak ada iklan? Dia *just given*, janji ada tiga *quotation*. Okey, ada program-program khas kerajaan. Saya ambil contoh seperti SejaTi MADANI. Dia RM100,000. RM100,000. Dia tak ada lantikan apa — ada sebut harga sebagainya. Dia hanya hantar tiga *quotation and then*, kita pilih yang paling rendah. Adakah itu diluluskan ataupun tidak? Bukan hanya SejaTi MADANI lah. Ada program-program yang lain.

Macam program-program daripada Kementerian Ekonomi. *Direct* RM100,000. Dia boleh bagi terus. Bolehkah tak boleh?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat Tampin. Seperti mana yang ditanya, ada projek program khusus di mana Kementerian Kewangan memberikan had nilai ataupun macam pengecualian daripada garis panduan biasa dan diberikan had nilai tertentu. So, itulah. Contohnya, kelonggaran untuk penyelenggaraan sekolah. Itu kita tingkatkan daripada garis panduan yang ada.

Tapi yang itu dengan kelulusan khusus daripada Kementerian Kewangan untuk program-program tertentu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yang tak ada, tak bolehlah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Saya ambil contoh satu lagi. Projek-projek daripada Ahli Parlimen sendiri. Okey, kita ada projek RM100,000. Bolehkah diberi pengecualian untuk buat sebut harga. Setakat ini tak boleh. Tapi, Ahli Parlimen, dia kena hantar ICU. ICU akan buat sebut harga juga. Bolehkah Ahli Parlimen *request* kalau projek RM100,000 ini, boleh dibuat, dia bagi pembelian terus?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang itu, yang itu tertakluk kepada permohonanlah. Seperti contoh yang tadi, YB sebut macam SejaTi MADANI ada permohonan khusus daripada agensi yang berkenaan kepada MOF dan pihak kami pertimbangkan atas apa asas-asas tertentu tetapi ia tertakluk kepada permohonan daripada agensi yang apa — Pegawai Pengawal yang menjaga peruntukan tersebut.

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Terima kasih. Sebenarnya yang Datuk KSP maklum tadi, kita ada contoh. ICU itu, contoh lampu jalan kampung semua itu, kita bagi pengecualian tapi kena mohon. Kena mohon dengan kelulusan Pegawai Pengawal.

Okey, seterusnya kita pergi kepada proses perolehan. Ini untuk, makluman semualah. Bermula daripada perancangan projek itu sendiri, projek itu mestilah telah pun diluluskan oleh Kementerian Ekonomi. Dah ada bajet. Kalau OE, telah pun diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pun dah ada bajet. Barulah boleh dibuat perancangan perolehan dan perancangan perolehan bermula daripada penyediaan *spec*. Pihak kementerian-kementerian berkaitan lah kena sediakan spesifikasi mengikut projek-projek yang nak dibuat.

Lepas itu, perlu dipelawa sama ada kategori sebut harga ataupun tender. Biasanya, selepas kita pelawa sebut harga ataupun tender, kita ada taklimat di tapak. Kita bagi maklum — taklimat pula kepada petender-petender yang masuk, skop-skop yang berkaitan dan sekiranya selepas penerimaan tender, maksudnya petender dah masuk, baru kita akan buka peti tenderlah. Peti tawaran tadi.

Kita ada Jawatankuasa Pembuka Tender. Lepas itu, dia akan pergi kepada semakan dokumen. Ini Jawatankuasa Pembuka tadi, dia akan ada kriteria, syarat-syarat wajib. Berdaftar dengan SSM, berdaftar dengan MOF. Kod bidang itu adalah antara syarat-syarat wajib yang perlu ada.

Lepas itu, baru pergi kepada penilaian tender. Penilaian tender ini terdapat dua kategori. Satu, penilaian peringkat teknikal, yang kedua adalah penilaian peringkat kewangan. Kedua-dua dah lulus, baru dia bawa kepada Lembaga Perolehan. Lembaga Perolehan itu adalah perakuan urus setia. So, berapa ramai petender yang masuk tadi, dibentangkan di dalam Lembaga Perolehan dan Lembaga Perolehan akan buat keputusan untuk satu sahaja yang akan dipertimbangkan.

Lepas itu, dia akan bawa kepada pertimbangan pihak berkuasa melulus. Pihak berkuasa melulus ini tertakluk kepada *threshold* pula. Dia ada kadar dia. Kalau untuk projek-projek perkhidmatan, RM50 juta ke bawah diluluskan di peringkat Lembaga Perolehan kementerian masing-masing. Tetapi, melebihi RM50 juta, kena angkat kepada MOF.

Kalau projek tender kerja melebihi RM100 juta, perlu diluluskan di MOF. Maknanya, katalah Lembaga Perolehan telah pun bersetuju untuk bagi kepada petender A tetapi bila diangkat kepada MOF, ada senarai petender yang masuk, kemungkinan tak berlaku A. Mungkin pergi kepada B. Sebab di pihak MOF, kita akan *study* balik dari segi keupayaan kewangan, dari segi latar belakang petender-petender yang masuk. Itu di peringkat pertimbangan.

Seterusnya, selepas pertimbangan, sekiranya projek itu adalah rundingan terus, kita akan minta agensi-agensi supaya membuat rundingan harga atau

rundingan terma. Rundingan tadi ada dualah, sama ada rundingan harga atau rundingan terma. Skop rundingan mengenai — kalau kita kekalkan harga, kita mungkin kurang dekat skop. Kalau kita kekalkan skop, mungkin kita kena minta supaya dikurangkan harga.

Seterusnya, kalau kedua-duanya dah selesai, barulah kita keluarkan SST. Bila keluar SST, kita dah lantik kontraktor. Kontraktor dan juga Pegawai Pengawal tertakluk di bawah Akta Kontrak sebab dia dah pun menandatangani kontrak. So, perolehan tadi sehingga SST keluar. Selepas SST keluar, apa-apa *dispute* yang berlaku tertakluk di bawah Akta Kontrak. Okey, kita — seterusnya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Kejap. Saya...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Sila, kalau ada.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, sila Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak faham fasal istilah sajarah ya. Beza antara sebut harga dengan tender ini selain daripada nilai dia di bawah RM500,000, setengah juta. Ada tak kriteria lain kah ataupun untuk nak fahamkan — bezanya sajarah. Nak tahu. Kenapa dinamakan sebut harga? Kenapa tak — Kenapa begitu begini?

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sebab dua-dua pun macam ada... *[Tidak jelas]*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Yang kita nampak itu, dia dari segi nilai sajarah kan? Maknanya bawah 500, disebut sebut harga tapi kalau atas 500, disebut tender.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Dari segi iklan dan juga tempoh sah laku juga berbeza. Kalau untuk sebut harga. Ini untuk projek-projek kecil. Sebut harga adalah untuk projek-projek kecil. Projek-projek yang besar memang kita bawak kategori tenderlah dan yang paling penting definisi dia adalah nilai tadilah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tapi macam sebut harga, yang antara 50 hingga 500 pun ada juga yang ditenderkan kan — tidak?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kita iklan. Kita tak panggil tenderlah. Iklan, sebut harga. Tapi, iklan mengikut prosedur macam tender tapi tempoh dia terhad.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tempoh — okey, okey.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Untuk mempercepatkan proses lantikanlah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Faham, faham. Okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Naib Pengerusi. Maaf. Saya nak tanya. Masih tentang sebut harga dan tender itu. Maksudnya beza kategori sebut harga dan tender itu, dia secara umumnya, samalah. Maksudnya akan ada...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Proses sama.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Proses sama. Akan ada iklan. Cuma dia tak panggil, dia tak panggil, iklanlah. Mungkin dia panggil tender kah apa. Juga, RM50,000 dia punya jumlahlah. Tetapi selain daripada itu, memang dari segi umumnya, proses dia, prinsip dia samalah. Kena buka, orang boleh masukkan permohonan kah apa atau sertai dan akhirnya akan dipilih di antara yang telah masukkan permohonan itulah. Betul ya?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Proses dia sama. Maknanya, kena iklan juga. Cuma tempoh iklannya pendek. Lepas itu, yang mana masuk itu, kita ada jawatankuasa sama penilaian teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Kewangan. Cuma, di dalam kategori sebut harga itu, ada yang boleh melaksanakan secara undian. Undian maksudnya, sekarang nilai undian itu sehingga RM100,000 yang cabut bola. Bola ping pong. *[Sambil menunjukkan isyarat tangan]* Itu undian.

Itu masih lagi untuk projek-projek tertentu. Contoh, pembinaan rumah PPRT, kita masih lagi buat cabutan undi. Untuk tahun ini, kita naikkan cabutan undi daripada RM100,000 kepada RM200,000. Tetapi, itu kelonggaran itu untuk masa terhadlah sehingga 31 Disember sahaja. Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya, silakan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ada dua soalan. Satu berkenaan dengan nombor tiga dan nombor empat itu kan *[Merujuk kepada pembentangan slaid]* Tender terbuka dan juga tender terbuka pra kelayakan. Apakah kriteria yang perlu *Pre-Q*, apa yang kriteria yang tak perlu *Pre-Q*? Jumlah dia sama kan? *More than RM500,000* itu.

■1220

Maknanya, di mana yang perlu *pre-queue*, mana yang tak perlu *pre-queue*. Itu soalan yang pertama. Yang kedua, rundingan terus, *direct nego* itu ada lima kriteria itu, kan? Sama ada kriteria itu lima-lima perlu dipenuhi ataupun kalau memenuhi satu kriteria itu pun boleh *direct nego*?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang itu, untuk *direct nego*, yang itu hanya salah satu daripada — contohnya kalau dia merupakan aspek

keselamatan, dia tak perlu memenuhi kriteria bumiputera ataupun hanya satu punca hanya salah satunya untuk rundingan terus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya, soalan susulan, maknanya kalau misalnya kelima itu, kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera, maknanya boleh *direct nego*-lah? Satu — memenuhi satu kriteria itu saja?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tak. Dia merupakan kriteria, tetapi masih tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Kewangan. Walaupun mungkin di peringkat — so, kementerian akan memohon kepada Kementerian Kewangan, sama ada dia boleh buat sesuatu rundingan terus dan mungkin dia akan bagi asasnya dan dia akan guna antara lima asasnya. Tapi dia tidak automatiklah.

So, ini masih tertakluk kepada budi bicara Kementerian Kewangan sama ada atau asasnya secukupnya kukuh untuk dipertimbangkan untuk rundingan terus.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya proses di semua peringkat kementerian, nak *direct nego* perlu dapat kelulusan daripada MOF?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Ya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Ya. Betul. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *That means* sama ada *quantum* itu, tak kiralah berapa banyak, *direct nego* je mesti MOF punya *approval*.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Ya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Ya. Betul. Sebab untuk kategori pembuat bumiputera ini di bawah pekiling 1.5 kita ada *threshold* dialah.

So, biasanya bila kita *open* kepada tender, berapa ramai yang masuk ataupun sebab apa, berapa ramai yang masuk, keutamaan adalah kepada petender bumiputera. Maknanya kita tengok juga dari segi berapa bilangan pekerja dia, berapa ekuiti dia. Jadi, kita tengok kompeni mana yang lebih kepada bumiputera, kita bagi keutamaan kepada bumiputera.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Jadi, kalau boleh nak *put on record*-lah, kalau kita *define* syarikat pembuat bumiputera ini, apa kriteria syarikat pembuat bumiputera itu? Maknanya apa? Ekuiti bumiputera 51 peratus ke atas ataupun 100 peratus atau berapa? *That means*, apa yang syarikat *and put on record*-lah.

Syarikat dikira sebagai pembuat bumiputera itu...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Jadi mendapat kalau di bawah KUSKOP, dia mendapat pengiktirafan bumiputeralah. Kategori bawah SSM pun ada istilah bumiputera.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Kira bumiputera juga bukan sahaja ekuiti tapi juga dari segi pengurusan tertinggi, kawalan atas kewangan dan juga dari segi pekerjanyalah. Ada beberapa syarat-syarat yang perlu dipenuhi untuk dapat taraf bumiputera.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Soalan pertama saya tadi?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Okey, tender terbuka ini *open* kepada semua. Dan kita kalau satu-satu tender itu kalau 200 orang masuk kita kena nilai keseluruhan petender yang masuk.

Kalau *Pre-Q* terpilih, kita dah *short listed*-kan berapa kompeni yang layak berdasarkan kepada pengalaman kerja terdahulu. So, daripada situ, kita dah boleh nilai dan kita iklan kepada *group* itu sahajalah. Kita tak buka kepada semua.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: *On that* punya *explanation*, boleh dapat respons daripada MOF berkenaan dengan LKAN punya *report* yang terkini?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Nanti, ada perbandingan dekat belakang Dato' Sri — Tan Sri.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Ada? Okey.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya ada satu soalan. Merujuk kepada carta proses perolehan kerajaan tadi, selepas sesuatu tender itu dinilai oleh jawatankuasa penilai dan diperakui oleh urus setia dan di peringkat pertimbangan oleh pihak berkuasa meluluskan itu, saya nak mohon pencerahan apakah kaedah ataupun kriteria memilih sama ada ia nya menggunakan penender yang terendah ke ataupun menggunakan min ke ataupun adakah ia nya apa nama ini, ada satu kaedah yang *apply across the board* ataupun berbeza daripada agensi kepada agensi?

Sebab kadang-kadang ada yang menggunakan min, ada yang menggunakan harga yang terendah dan sebagainya.

Mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat, secara amnya, kelulusan akan — untuk tenderlah, kelulusan akan diberikan kepada harga terendah yang lulus penilaian dari penilai teknikal dan kewanganlah. Itulah secara amnya asas untuk pertimbangan.

Tetapi ada juga bila dilihat kes-kes tertentu, contohnya mungkin bila satu perkara ini lebih melibatkan satu projek yang kompleks dan teknikal, kadangkala pertimbangan diberikan di mana mungkin petender yang bukan terendah, tetapi skor teknikal dia mungkin jauh lebih tinggi [*Tidak jelas*] budi bicara dilaksanakanlah untuk membenarkan perbezaan daripada apa yang secara amnya diamalkan.

Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak semestinya terendah?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tak semestinya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kadang-kadang Yang Berhormat, kalau dia dapat harga terendah tetapi kerja dalam tangan terlalu banyak pun kita akan bagi kepada yang lain peluang kepada yang lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Pasal isu terendah, tak terendah ini, maknanya – itulah, maknanya ada dalam prosiding PAC pun ada beberapa ketika itu di mana disebutkan bahawa disebabkan benda itu tak berlaku, kerana kerajaan ataupun agensi itu ambil tender yang terendah, yang menyebabkan tidak — *none performance of the vendor*-lah.

Lepas itu, ada juga prosiding dalam PAC mengatakan bahawa dalam perbincangan prosiding itu mengatakan bahawa MOF ataupun proses itu menetapkan *band* dia — *plus or minus 10 percent* yang membolehkan lantikan. Jadi, ada yang gunakan terendah, ada gunakan *band plus or minus 10 percent*.

Jadi, macam mana keputusan akhir dibuat sama ada nak gunakan *band plus or minus 10 percent* ataupun yang terendah itu?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat, yang pertamanya, dari segi isu yang berbangkit bila projek tidak — gagal ataupun tidak berjaya dilaksanakan, tatacara perolehan adalah untuk memastikan petender yang terbaik dipilih, kan?

So, tadi saya sebut secara amnya, yang akan diluluskan ialah harga terendah yang lulus penilaian teknikal dan kewangan. Selain daripada itu, apa yang Yang Berhormat sebut pun dalam garis panduan perolehan kita tetapkan julat untuk menentukan apa — pembinaan itu adalah munasabah.

Tetapi, pihak kami tak tetapkan untuk sesuatu tender sama ada dia 10 ataupun 15 peratus. Yang itu terserah kepada pelaksana ataupun jawatankuasa spesifikasi untuk perolehan tersebut sama ada dia nak gunakan 10 ataupun 5 ataupun 15 peratus, yang itu di peringkat — tapi yang itu...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Cut off.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Cut off julat itu ialah berbanding dengan anggaran jabatanlah.

Ada juga untuk *cut off* yang dikira secara statistiklah untuk projek kerja *is a statistical way of trying to see what is a reasonable bid*-lah dia nak keluarkan *outlier*.

Yang itu pun juga digunakan untuk projek-projek kerja. *So that*, harapnya bila digunakan kaedah-kaedah tersebut, petender yang di dalam pertimbangan adalah berdasarkan mereka yang munasabah dan cukup berwibawa untuk melaksanakan projek tersebutlah. Itulah yang dihasratkan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Maknanya julat itu memang MOF tak tentukanlah?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tetapi kita tetapkan mesti adalah. Mesti ada. Julat itu mesti ada tapi untuk jawatankuasa spesifikasi untuk tentukan..

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: 15 peratus, kan? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Untuk kerja ada juga. Bekalan dan perkhidmatan tak ada. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Oh, spesifik. *Sorry, sorry*. Minta maaf, saya salah sebut. Tolong...

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Untuk tender kerja, memang — *cut off* itu, harga yang *cut off*, yang dia atas *cut off* 15 peratus, di bawah *cut off* 15 peratus. So, yang 15 peratus juga. Maknanya, yang petender itu sahaja yang akan diangkat sebagai peringkat akhir nanti.

Tapi untuk tender perkhidmatan, kita tak tetapkan. Sebab dia tertakluk kepada kompleksiti oleh projek-projek perkhidmatan tersebutlah. Tapi untuk projek kerja macam jalan apa semua, memang kita tetapkan satu *cut off* dan ada julat dia.

Maknanya 15 peratus itu Tan Sri daripada anggaran jabatan. Daripada anggaran jabatan. So, yang itu yang kita boleh tapislah berapa ramai yang masuk di bawah julat tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Tapi okey — untuk makluman saja, saya nak masuk juga dalam Hansardlah. Kita dengar dan saya juga ada dalam ya lah dalam bidang ini, kan? Dia ada kartel-kartel yang masuk — puan, rekod dalam Hansard saja — maknanya kartel dia dah tahu julat itu dalam tender dokumen pun ada sebut *plus or minus* 10 peratus.

■1230

Jadi, kartel ini akan masuk 50 syarikat, kawan-kawan, geng-geng dia semua masuk dan dia masuk semua dalam julat yang itulah. Jadi, *the final*-nya *shortlisted* pun di kalangan mereka juga. Akhir sekali dapat di kalangan mereka. Itu bukan ini, bukan *theoretical*. Dia memang berlaku dan sentiasa berlaku yang rasa saya kita kena mempunyai satu kaedah yang lain untuk menangani — keadaan ini.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat, itu *possible* lah. Bila dia buat pembidaan yang — bilangan yang ramai, dia dapat dari segi pembidaan harga dia, dia dapat mempengaruhi dari segi *cut off* itu bila dia ada — tapi Kementerian Kewangan juga cuba meningkatkan kerjasama dengan MyCC untuk kita cubalah nak mengurangkan ataupun nak mengenal pasti bila perkara ini berlaku.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Itulah. Maknanya ada yang — contohnya, maknanya julat jabatan punya anggaran RM500 juta. *Plus or minus 10 percent*, jadi kita dapat *plus or minus* yang RM50 juta. Ada syarikat yang boleh buat *even at RM400 million*. Tapi oleh kerana *RM400 million* di luar julat itu, syarikat itu *disqualified* sungguhpun syarikat itu yakin yang boleh buatlah *at RM400 million*. Itu satu senario yang bukan *theoretical*, ini memang benar-benar berlaku *over the* berpuluh tahun yang saya dalam industri kontrak kerja inilah.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Sorry. Kalau kita keluar julat itu lagi banyak nak kena nilai itu. Sebab sekarang ini Tan Sri, kita pameran anggaran jabatan, dulu kita tak pameran...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kejap, kejap. *Cop, cop. Cop, cop*, pembetulan. Saya atuk, bukan Tan Sri, bukan Datuk Seri, bukan apa. *[Ketawa]*

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: ...YB, YB. Apa, sekarang ini anggaran jabatan YB, kita pameran. Jadi, semua yang masuk itu boleh nampaklah anggaran jabatan. Dulu kita tak pameran, pun jadi isu pula bila tak pamer. Sekarang bila kita pamer pun dia orang masuk dah tahu harga anggaran jabatanlah. Okey, saya teruskan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Baik. Sila teruskan. Ya.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Okey. Kita pergi kepada pihak berkuasa melulus tadi untuk Lembaga Perolehan. Setiap kementerian ataupun agensi akan diketuai oleh Pegawai Pengawal sebagai Lembaga Perolehan. Lembaga Perolehan tadi dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Menteri Kewangan menurunkan kuasa kewangan kepada Pegawai-pegawai Pengawal iaitu KSU-KSU di setiap kementerian. KSU ini adalah menjadi pengerusi kepada Lembaga Perolehan dan pengerusi ganti sekiranya KSU tak ada adalah TKSU lah. Syarat minimum adalah kuorum mesti tiga orang iaitu pengerusi, wakil MOF dan wakil JKR. Kalau tengok para enam itu, wakil MOF dan juga wakil JKR adalah ahli tetap. Boleh juga dilantik ahli-ahli lembaga perolehan di kalangan yang tertentu sekiranya projek-projek teknikallah. Kalau projek itu terlalu teknikal, kita boleh lantik juga yang pegawai-pegawai teknikal untuk masuk dalam Lembaga Perolehan tadi.

Okey, saya rasa ini *very straight forward* lah Yang Berhormat. Syaratnya, setiap Lembaga Perolehan itu sebelum diangkat untuk kelulusan Lembaga Perolehan, mestilah diluluskan sebulat suara oleh ahli-ahli dalam lembagalah. Kalau tak ada sebulat suara, daripada tiga, satu yang tak berapa setuju, kena angkat semula ke MOF. Jadi, itulah MOF ini jadi penapislah kat sini.

Okey, kita pergi kepada nilai. Okey, untuk tender kerja sebagaimana disebut tadi, RM100 juta ke atas, dia akan datang ke MOF. Untuk bekalan perkhidmatan, lebih RM50 juta akan datang ke MOF. Tetapi untuk MOF Sabah dan Sarawak, setakat RM30 juta diluluskan oleh MOF di Sabah dan Sarawak dan selebihnya kena datang ke MOF HQ.

Untuk badan berkanun, dia ada dua. Badan berkanun yang bersandar kepada kerajaan ini, yang dibayar gaji oleh kerajaan, dia tertakluk kepada prosedur sedia ada iaitu RM100 juta ke atas kena datang ke MOF. Tapi badan berkanun yang tidak disandarkan Dasar Saraan Kerajaan, dia bayar gaji sendiri, lebih daripada RM500 juta baru datang ke MOF sebab dia menggunakan peruntukan dalaman. Maknanya peruntukan dalaman bawah RM500 juta di bawah kelulusan ahli lembaga pengarah. Untuk syarikat kerajaan, GLC, RM300 juta ke atas kena datang ke MOF. Di bawah itu adalah kuasa *board of directors* masing-masinglah.

Okay, next. Okey, untuk mulai 1 Ogos ini, MOF telah melaksanakan beberapa penambahbaikan kepada badan berkanunlah. Badan berkanun di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP 7.5 iaitu kita mensyaratkan semua badan berkanun, ahli lembaga pengarah mesti ada wakil daripada MOF dan juga ada — kalau wakil MOF tak boleh datang, ahli ganti kena ada. Dia tak boleh bersidang tanpa kehadiran wakil daripada MOF. Yang seterusnya saya kata tadi, melebihi — badan berkanun yang tidak disandarkan Dasar Saraan, RM500 juta ke atas perlu dimuktamadkan di MOF jugalah.

Okay, next adalah syarikat-syarikat milik kerajaan, MKD. Untuk RM300 juta ke atas, syarikat-syarikat milik kerajaan yang biasa, tetapi untuk FELCRA ada *special* sikit. Untuk FELCRA, apa-apa perolehan ataupun pelaburan melebihi RM125 juta, kena datang ke MOF. Dia rendah sikit dia punya kadar itulah. Tapi, untuk MKD biasa RM300 juta ke atas. Hanya untuk FELCRA lah.

Okay, next saya rasa yang tadi Yang Berhormat Wangsa Maju tadi ada tanya mengenai tender terbuka pra-kelayakan terpilih seperti mana yang ada dalam LKAN. Okey, ini adalah kenapa kita adakan tender terbuka pra-kelayakan terpilih, so pada tahun 2022, Perdana Menteri mohon supaya semua projek fizikal ataupun pembangunan perlu disegerakan khususnya projek-projek yang melibatkan

rakyatlah. Contoh, tebatan banjir, sekolah daif, klinik daif dan juga infrastruktur asas di luar bandar. Jadi, itu yang disebabkan kita ada satu pra-kelayakan terpilih. Pra-kelayakan terpilih itu sebenarnya diluluskan hanya untuk tahun 2023. Walau bagaimanapun, atas permintaan kementerian-kementerian yang berkaitan, kita panjangkan sehingga Disember 2024.

So, antara kriteria yang kita beza sikit antara pra-kelayakan biasa dengan pra-kelayakan terpilih itu iaitu pra-kelayakan biasa dia masih lagi ada dua peringkat perolehan. Peringkat pertama, kita buka kepada semua petender yang nak masuk. Lepas itu, kita akan tengok dari segi kemampuan kewangan, *background* syarikat sama ada, ada tatatertib di bawah CIDB atau tak, kita akan semak *score rating* dia. Lepas itu, yang terpilih sahaja kita akan *offer* untuk dia masuk sekali dengan anggaran harga nantinya. Itu peringkat kedua. So, ada dua peringkat. Walau bagaimanapun, yang peringkat pra-kelayakan yang biasa ini, dia ambil masa yang panjang. Dia ambil masa yang panjang sehingga 335 hari.

Jadi, untuk mempercepatkan projek-projek yang kita sebut tadi, sekolah daif, klinik daif, tebatan banjir semua, kita adakan tender terbuka pra-kelayakan terpilih di mana iklan hanya dipendekkan kepada tujuh hari dan penilaian Lembaga Perolehan hanyalah selama 30 hari. Kita ada dua peringkat juga. Peringkat pertama dan peringkat kedua, saya bagi contohnya ya. Kalau peringkat kedua itu kita buat projek tebatan banjir, ada 15 kompeni yang masuk, so kita hanya buat penilaian pertama itu untuk 15 syarikat sekali harung. Lepas itu bila masuk yang kedua tadi, kita akan jemput yang terpilih tadi untuk masuk peringkat kedua.

Kalau yang biasa peringkat pra-kelayakan biasa ini, kalau projek itu ada 15 projek, kita kena buat pra-kelayakan peringkat pertama pun 15, peringkat kedua pun 15. Maknanya dua kali, dua-dua akan ambil masa yang panjanglah. Berbeza dengan yang terpilih ini, peringkat pertama itu kita buat sekali sahaja. Tapi peringkat kedua itu yang kita detilkan dia, 15, kalau 15 projek, 15 kali untuk peringkat kedua. Jadi, antara yang dipendekkan adalah tempoh di peringkat pertama tadi. Antara peringkat pertama dengan peringkat kedua tadi dipendekkan.

Jadi, kita dapat kalau buat secara konvensional hanya 81 hari, kalau kita buat secara *design and build* 137 hari. Itu *actual* yang kita masukkan dalam pekelilinglah berbanding dengan pelaksanaan itu, itu berbeza di peringkat pelaksanaanlah. Okey.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: YB Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Saya nak penjelasan sikit ya. Sebab kalau kita tengok yang tender terbuka pra-kelayakan ini, kalau yang biasa

punya dia kalau penilaian itu 180 hari, tapi kalau terpilih itu 30 hari sahaja. Saya tengok beza dia besar. Saya pasti tak ada, tak ada kompromi dari segi *due diligence* dan sebagainya. Maksudnya, *the same sort of rigorous due diligence*.

■1240

Tapi kenapa kita tak boleh kurangkan untuk pra-kelayakan yang biasa yang kita gunakan itu kita kurangkan kepada 30 hari juga. Sebab — ataupun kita pendekkan. Maksudnya kalau kita boleh buat sebenarnya kenapa kita tak buat untuk semua? Kenapa kita masih kekalkan 180 hari itu? Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MoF]: Yang Berhormat. Yang proses tender terbuka pra-kelayakan terpilih itu dilaksanakan dari segi konteks lah, latar belakangnya ialah pada Kerajaan Madani dah masuk. Isunya ialah — sebenarnya dikurangkan amalan rundingan terus. Sebenarnya pada sejak Kerajaan Madani masuk kontrak-kontrak biasa tidak lagi dilaksanakan secara rundingan terus sama ada *you know* jalan, sekolah dan sebagainya. So, semuanya dilaksanakan secara tender. Hanya jika dilaksanakan secara tender, contohnya lah kalau dilaksanakan projek *design and build* contohnya, dia tak boleh nilai — kalau nak nilai kesemuanya, pembida yang masuk ia mungkin akan mengambil masa yang lama.

So, apabila dibuat tender pra-kelayakan terpilih, MOF membenarkan kementerian senarai pendek daripada *database* ataupun kontraktor yang dah disaring berwibawa, mereka boleh hadkan ke contohnya lima ke 10 kontraktor yang sepatutnya dah disaring dan memenuhi syarat untuk membuat proses tender lah. So, disebabkan bilangan petender itu dikurangkan ia membolehkan penilaian tender dengan lebih singkat lah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi *pool* dia *smaller pool* lah, lagi kecil lah untuk dapatkan yang ini.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: So, yang apa maksud terpilih ialah Kementerian Kewangan membenarkan kementerian yang terlibat yang diberikan kelulusan laksana itu untuk senarai pendekkan kontraktor untuk dijemput untuk tender tersebut.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sambung Bangi tadi. Dulu ada kategori *selective tender* terutamanya bagi G1, G2 lah di PBT, di JKR daerah dan sebagainya. Dia hanya jemput 10 kontraktor wibawa lah, wibawa yang ada *track record* yang baik. Boleh ke tak boleh buat lagi sekarang?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Kami telah batalkan yang *selective tender*, tender terhad. Sebab pada masa itu walaupun disebut sepatutnya ini semua petender yang berwibawa tapi dia tidak masuk dalam satu proses saringan lah. So,

yang untuk tender terbuka pra-kelayakan terpilih memang ada dua— macam ada dua peringkat lah. Yang pertamanya dah mesti ada — kementerian yang terlibat mesti ada satu proses di mana syarikat-syarikat yang berminat dah melalui satu saringan lah dari segi keupayaan teknikal dan kewangannya untuk melayakkan diri untuk dipilih untuk tender pra kelayakan terpilih lah. So, ini boleh dikatakan satu penambahbaikan berbanding dengan amalan tender terdahulu sebelum ini lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Saya ingin tanya macam mana dengan *public listed company* kerana kalau ada sesetengah projek yang kriterianya haruslah macam adalah *company* bumiputera dan juga kita baca macam itu isu Boustead nak jual ladang sawit dia dan KLK nak beli lepas itu jadi satu isu *controversial* lah, sedangkan KLK itu adalah *public listed company*. So, *how you going to handle this one?*

Number two is, kadang-kadang sesetengah projek macam penyambungan paip air di Sabah dan Sarawak ataupun buat jalan— *let say the Borneo Highway* dan Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak lepas itu kata yang projek-projek besar ini tidak melibatkan kontraktor dari Sabah dan Sarawak. So, macam mana *you know MOF now* menangani isu macam ini.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat Seputeh, yang pertamanya yang isu yang berhubungan dengan Boustead, yang itu tidak merujuk kepada perolehan. Yang itu saya saja nak bagi bezakan, yang itu bukan perolehan. Tapi apa yang mungkin isunya ialah dari segi dasar kerajaan bila melibatkan penjualan tanah kerajaan ataupun tanah GLC, kerajaan ada dasar tertentu, ia perlu dirujuk untuk pertimbangan kerajaan sama ada penjualan tanah kerajaan ataupun GLC dipertimbangkan untuk dijual kepada pihak yang bukan bumiputera lah. So, itulah satu dasar kerajaan. Tapi yang itu berbeza daripada perolehan. Itu satunya.

Keduanya, berhubung dengan isu-isu kadangkala ada permohonan supaya dilaksanakan tender di kalangan kontraktor tempatan. So, contohnya lah apa yang telah dilaksanakan untuk Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Kita telah melihat kepada pakej-pakejnya. Ada pakej yang besar kita terbuka, ada pakej di bawah — tapi saya lupa berapa nilai ambangnya. Di bawah satu nilai ambangnya, dia hanya terhad kepada kontraktor daripada negeri tersebut. Itulah bagi mengimbangi lah sentimen tersebut.

Tapi yang kalau dibuka juga yang itu pun ada syaratnya supaya sebahagian daripada kontraktor ini akan di subkontrak kepada kontraktor tempatan. Itu supaya nak memastikan bahawa projek-projek besar yang dilaksanakan di negeri memastikan ada juga limpahannya kepada usahawan tempatan, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dalam sepanjang prosiding PAC, kadang-kadang kita lihat ada kontraktor yang terima banyak VO. *VO after VO after VO*, lima enam tahun masih VO. Ini sebenarnya kalau MOF ini pilih kontraktor yang tawarkan harga yang terendah tapi akhirnya lepas lima tahun projek belum siap tapi sudah VO minta pertambahan dana banyak kali. Jadi saya nak tahu sama ada MOF adakah yang menyenaraihitamkan bagi syarikat kontraktor ataupun individu yang sebenarnya sepanjang ini tak dapat *deliver* lah.

Adakah kita tidak akan *you know* macam memberi pertimbangan sekiranya mereka membida projek di bawah MOF?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tapi biasanya YB, kalau kontraktor itu macam contohnya gagal projek biasanya ada juga ketetapan untuk apa?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Di bawah CIDB.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Di bawah CIDB dia disenaraihitamkan. Itu adalah antara yang perkara yang isunya. Isu VO ini Yang Berhormat, dia kadangkala ada sebab yang asas yang kukuh untuk VO. Contohnya mungkin ada isu yang luar kawalan dan dibenarkan. Atau kadangkala apa? Mungkin ada contoh lebih baik.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Mungkin yang kenaikan kos projek, kadang-kadang kita terpaksa import, *currency*. Perbezaan *currency* itu antara yang kita pertimbangkan untuk VO lah. Itu di luar kawalan kita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tampin. [Ketawa]

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, saya ambil satu keslah dalam PAC sendiri, kan? Projek FWCMS. Tak tahu lah *guideline* dia macam mana, kan? *Start* projek tanpa kos, hujung sekali kerajaan kena bayar. Tak bayar kena denda, kena saman. Apa cerita pula kes macam ini? Di bawah kategori mana? Terbuka, terhad apa?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang Berhormat yang itu dah saya rasa PAC dah perincikan sepenuhnya. Tapi saya rasa dalam kes tersebut yang itu memang di bawah rundingan terus disebabkan atas asas keselamatan. Yang itu di bawah Kementerian Dalam Negeri lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Ya. Saya nak tanya tentang bagaimana MOF mengenal pasti ataupun membendung apa yang saya boleh sebutkan sebagai *creative procurement*. Selalu kita sebut *creative accounting*, kan? *Creative procurement* ini maksudnya nilai dia sepatutnya kalau had tertentu dia mesti kena bawa ke MOF dapat kelulusan tapi dia *avoid going through* MOF, dia pecahkan jadi...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dua.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ...Dua ke jadi tiga tapi elemennya sama.

■1250

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Secara amnya, kita tak benarkan pecah kecillah. Itu secara amnya tetapi apa Yang Berhormat sebut, saya tak boleh nafikan. Bila kerajaan semasa mengurangkan amalan rundingan terus, nampaknya seolah-olahnya ada lagi kreativitilah.

Antara yang pihak Kementerian Kewangan dah mula perhatikan dan dah mula cuba mengambil pendirian yang lebih tegas ialah kadangkala dilihat seolah-olahnya bila dipanggil tender, spesifikasinya menjurus kepada pembekal tertentu dan ini dilihat bila ada tender — walaupun ramai mengambil bahagian, hanya seorang sahaja yang dapat lulus selepas peringkat teknikal dan kewanganlah.

So, Kementerian Kewangan dah mula juga, dah mula bila kita dapati keadaan tertentu seperti itu, pihak kami akan membatalkan tender tersebut dan minta tender semula. Tetapi, yang ini masih — saya tak boleh katakan perkara ini dah selesai tetapi pihak kami menyedari keadaan ini mungkin berlaku dan cuba mengambil langkah-langkahlah untuk menanganinya, Yang Berhormat.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Cuma, nak dapat kepastiannya. Kepastian. Maknanya, pekeliling daripada MOF ini, dia berkuat kuasa di peringkat kementerian dan sejauh mana ke bawah dia kena ikut. Agensi-agensi kena ikut pekeliling Perbendaharaan ataupun agensi punya *level, they have got lot of option?* Atau pun, kena ikut juga? Atau pun, di peringkat mana yang paling bawah, yang mesti — peringkat mana yang harus, sunat dan sebagainya? Wajib mana, [*Ketawa*] dan sebagainya, pekeliling MOF ini.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Untuk sambung juga, adakah PBT juga tertakluk dengan perolehan ini?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: YB, selagi namanya PTJ, yang melaksanakan proses prosedur kewangan, dia tertakluk kepada kita punya pekeliling.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Kalau PBT? PKJ semua, kerajaan tempatan.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [Setiausaha Bahagian, (Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun), Kementerian Kewangan (MOF)]: PBT mengikut tatacara kewangan semasa kerana PBT mendapat peruntukan.

Macam ini, YB ya. Kalau kerajaan, agensi, memang kita dah nampak dah. Yang mendapat peruntukan kerajaan, mesti mengguna pakai ataupun mesti mematuhi tatacara peraturan kewangan semasa. Begitu juga, badan-badan berkanun, agensi ya, agensi. Kalau YB kata agensi, di bawahnya badan-badan berkanun. Badan-badan berkanun yang mendapat peruntukan kerajaan, memang kena gunakan tatacara perolehan semasa.

Satu lagi, yang tadi kata, macam mana kita boleh membendung itu? Kita kerana, kalau tender, kita bawa kepada Lembaga Perolehan, YB yang mana, dalam Lembaga Perolehan itu, ada JKR, ada wakil Kementerian Kewangan. Bila dibawa ke situ, dekat situ kita boleh nampak yang mana yang pecah kecil, yang mana tak pecah kecil. Dekat situ, wakil-wakil kita ada. Kita boleh nampak dekat situ.

Dekat situ, adanya *check and balance*. Kalau kita nampak ada sesuatu benda yang nampak, orang kata menyimpang dan sebagainya, itu yang kita kadang-kadang kita *dispute* itu, kita tak boleh buat keputusan. Kita kata, okey. Kita bawa kepada Kementerian Kewangan. Itu satu *level*, YB.

Yang keduanya, dari segi agensi-agensi yang terlibat. Mana yang patut guna, mana yang tak patut guna, konsep dia senang sahaja. Yang mendapat peruntukan Kerajaan Persekutuan, mesti kena ikut tatacara perolehan semasa. Begitu juga, badan-badan berkanun.

Tetapi, di bawah *level* dia subsidiari itu, subsidiari itu, kalau lepas badan berkanun, *subsidiaries* dia – *subsidiaries* itu dah – yang itu dah *company level*. *Company level*, dia kena ikut seperti mana yang telah digariskan garis panduan SSM lah, YB. So, itu cara dia.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Saya nak sambung daripada apa yang Datin Rosni sebut. Tetapi, contohnya, kalau ada badan berkanun yang dia ada sumber kewangan dalaman, dia beroperasi secara boleh dikatakan, diasingkan dan bebas, yang itu dia ada tatacaranya sendirilah.

Tetapi, contohnya di sini, ada ketetapan oleh Jemaah Menteri hujung tahun lepas. Walaupun ada sumber kewangan sendiri, sekarang perolehan lebih daripada RM500 juta juga perlu dirujuk ataupun untuk dimuktamadkan di peringkat Kementerian Kewangan.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Maknanya, sumber dalaman pun kena ikut prosedur ini juga? Sekarang ini, ada agensi, contoh dia, dia jelaskan kepada kita. Okey, kita tak gunakan duit peruntukan Kerajaan Persekutuan. Dia gunakan dalamannya. So, maksudnya itu tak payah ikut yang ini. Tetapi, kalau dapat daripada *fund* — dana daripada kerajaan, dia kena guna?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Dana kerajaan, dia mesti perlu ikut. Tetapi, kalau dia ada sumber sendiri, dia akan mungkin putuskan di peringkat *Board* untuk penggunaan dana dia sendiri.

Datin Rosni binti Mohd Yusoff [MOF]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tetapi, RM500 juta, memang masuk...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey. Ada satu soalan. Kenapakah had FELCRA berlainan daripada MKD lain?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang ini, balik kepada — ini dah tahun 2014. *I think* pada masa itu juga, walaupun FELCRA dia syarikat, tetapi FELCRA juga mendapat banyak peruntukan daripada kerajaan DE lah. So, dengan itu, pada masa tersebut, difahamkan keputusannya dibuat supaya mengambil kiralah kebergantungan FELCRA kepada peruntukan kerajaan, ditetapkan satu nilai ambang yang lebih rendah.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bangi mahu cakap?

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tak ada, tak ada. Saya puas hati. *[Ketawa]* Kami berpuas hati.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Saya cuma nak pastikan. So, kontrak rundingan terus ini *still* dilaksanakanlah dengan lima kriteria tadi? Masih berjalanlah?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Tadi, saya boleh mengesahkan bahawa dari segi amalan rundingan terus pada masa, pada pihak Kerajaan MADANI ini sekarang, memang jauh lebih rendahlah daripada sebelum ini. Sebab, projek-projek biasa kita tak buat secara — *I mean*, projek biasalah macam sekolah, jalan dan sebagainya. Tak ada lagi sejak dalam dua tahun lebih ini, tak ada secara rundingan terus.

Hanya setakat inilah, berdasarkan apa yang saya boleh ingat. Biasanya, yang dilaksanakan secara rundingan terus ialah — biasanya ialah yang melibatkan aspek keselamatan.

Ada yang bila melibatkan hanya satu pembekallah. Contohnya, bila beri macam perisian Microsoft, contohnya macam itu bila dah ada satu pembekal. Selain daripada itu, biasanya semua dibuat secara tenderlah dan juga, termasuk juga yang tadi disebut, yang tender pra-kelayakan terpilih. Mungkin, yang itu sebagai kaedahnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ya. Sila.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Ada lagi? Terima kasih. Mungkin tak berkaitan tetapi mungkin, dari segi prosedur tender ini, EOT. Saya ada satu, kita ada kes di PAC ini. EOT dia sampai berapa, 10 tahun? 15 tahun?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Bayan Baru punya projek itu. So, ada kaedah tak kita nak elakkan terlalu lama EOT ini, projek ini terlalu lama, kan? Macam ada kontraktor ini, dapat keistimewaanlah. Boleh sambung, boleh sambung, boleh sambung. Sepatutnya, dah *terminate* dah. Tetapi, itu melibatkan kos jugalah. Itu satu.

Yang kedua, yang ini agak sensitiflah di bawah sekarang. Mengenai kontraktor G1. Sekarang, diwajibkan kontraktor ini semua mesti ada daftar dengan Sijil Pematuhan Cukai (TCC). Walaupun kontrak itu kecil, mungkin dapat kerja setahun. Tahun lepas tak dapat, tahun ini dapat. Kerja RM20,000, itu pun perlu ada TCC. Tak ada TCC, tak layak untuk masuk sebut harga ataupun kerja *given* pun tak boleh. So, apa pandangan?

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Yang pertamanya, saya — pihak kami pun mengakuilah. Isu-isu EOT ini ada projek yang memang sangat lewat jadualnya. Tetapi, ada juga keadaan di mana EOT itu, ada asas yang kukuhnya.

Tetapi, kadangkala yang menjadi satu mungkin, satu cabaranlah ataupun pertimbangan di peringkat SO, yang jaga projeknya. Sebab, dia tahu kalau dia menamatkan kontrak tersebut, proses untuk nak buat perolehan untuk kontraktor penyelamat dan selamat, dan juga akan melibatkan tambahan masa dan juga peningkatan kos.

■1300

So, mungkin ada — biasanya, mungkin SO akan mencuba sedaya upaya untuk mengkaji jalan untuk macam memulihkanlah dari segi pelaksanaan kontrak tersebut. Tapi ada jugalah seperti mana saya rasa PAC dapati ada beberapa kontrak di mana memang sepatutnya projek itu sepatutnya ditamatkan lebih awal dan tidak diberikan EoT yang terlalu panjang. So, yang itu satu isulah yang masih saya rasa mungkin belum lagi diselesaikan sepenuhnya.

Dasar yang — soalan keduanya ialah secara amnya, isu cukai ialah di mana kerajaan ingin mengurangkan apa yang disebutkan ketirisan cukai atau ketidakpatuhanlah, yang itulah. Sebab nak memastikan bahawa mereka yang patut bayar, bayar. So, isu mendapatkan sijil tersebut sepatutnya hanya untuk — dia hanya

mendapatkan LHDN lah untuk beri pengesahan bahawa tidak berlaku sebarang ketidakpatuhan cukai.

Sebab itu semua perniagaan sepatutnya berdaftar dengan LHDN, itu satu ketetapan dan sijil ini saja untuk memberi pengesahan bahawa tidak berbangkit isu yang mana dia tak *submit tax filling* ataupun tak membayar cukai yang dikenakanlah. So, itulah satu yang pihak Kementerian Kewangan dah baru mula, tahun ini?

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Sebelum ini kita buat secara rintis dan bila kita laksanakan secara rintis, kita nampak *feedback* daripada kontraktor, tak bermasalah. Jadi, kita kuatkuasakan 1 Julai baru-baru ini. Maknanya selepas ini jadi salah satu syarat wajib lah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Bila dah kuat kuasa ini dia orang bisinglah. *[Ketawa]*.

Mungkin ada sikit kelonggaran. Mungkin kalau kerja *given* ini RM20,000 tak payahlah. Contohnya, contoh. Sebab ini saya nak menyampaikan rungutan di bawahlah. Kadang-kadang kena dengarlah rintihan orang. Dapat projek setahun sekali. Itu nak buat — kena bayar caj. Dia orang ini tak reti nak buat sendiri. Dia kena pakai akauntan apa semua, kena bayar, kena caj.

Dato' Hajah Norison binti Ramli [MOF]: Kalau dia lantik perunding, ya. Kalau dia terus pergi kepada LHDN macam biasalah. Macam kita daftar e-Filing kita sajalah. Tak ada isu.

Sebenarnya, SSM dulu, SSM dengan Lembaga Hasil dah pun ada link. Setiap kali syarikat itu dah berdaftar dengan SSM *automatically* dia akan pergi ke Lembaga Hasil. Cuma, selama ini dia tak kemukakan borang itu. Sekarang kita minta dia kemukakan borang itu.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Isu dia satu saja dia beritahu, kerajaan zalim, kerajaan nak tarik semua orang ini nak bayar cukai. Kerajaan dah tak ada duit. Itu jawapan kat bawah. Ini cerita kat bawahlah yang tak tahulah keadaan.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Okey, mungkin pihak kami akan kaji semula sama ada supaya borang tersebut mungkin dapat dipermudahkanlah terutamanya untuk syarikat PMKS. Itu mungkin satu perkara yang pihak kami dapat kaji. Tapi — minta maaf, kadangkala MOF ini selalu macam hati keringlah tapi isunya untuk kami ialah ...

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: YB-YB ini hati tisu. *[Ketawa]*

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: *[Ketawa]*. Sebab kami berpandangan perlu satu keadilan di antara mereka yang bayar, mereka yang tak bayar. So, sepatutnya kalau perlu bayar sepatutnya patuhlah. Itulah pandangan kami. Minta maaf, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Datuk, sama juga dengan apa yang Tampin cakap tadi. Saya fikir mungkin perlu buat sesi penerangan juga ataupun kempen untuk memberi kesedaran juga tentang sebenarnya proses dia macam mana, kena perlu bayar lebih ke, kenapa buat macam ini.

Jadi, perkara-perkara seperti itu saya rasa, kalau orang faham orang akan lebih banyak *buy in*-lah. Tapi kalau macam dia rasa bahawa benda ini menyusahkan, dia rasa bahawa memang betul kena lantik konsultan, padahal mungkin tak perlu pun.

Jadi, benda-benda macam ini yang menyebabkan mereka rasa benda itu menekan dan menyusahkan dia oranglah. Jadi, mungkin pihak MOF juga boleh pertimbangkan untuk adakan program-program mungkin dekat setiap kawasan ke, setiap daerah ke, buat program di bawah untuk kontraktor-kontraktor ini supaya mereka faham dan bantu mereka. Kalau mereka rasa susah untuk pergi ke LHDN, mungkin LHDN boleh pergi ke tempat-tempat itu untuk buat program membantu mereka daftarkan syarikat. Terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Terima kasih YB atas maklum balas tersebut. Pihak kami akan usahakanlah bagaimana kita dapat menambah baik aspek komunikasi dan mungkin dari aspek memudahkan pematuhan kepada syarat-syarat yang baru inilah. So, terima kasih. Kami akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, bagi pihak PAC, saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Datuk Johan Mahmood Merican, Datin Rosni binti Mohd Yusoff dan Dato' Hajah Norison binti Ramli kerana sudi hadir ke prosiding PAC pada petang ini. Mesyuarat tangguh pada pukul 1.05. Sekian terima kasih.

Datuk Johan Mahmood Merican [MOF]: Terima kasih, YB.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.05 tengah hari]



DOKUMEN PEMBENTANGAN





KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

TAKLIMAT MENGENAI PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

4 OGOS 2025



- 1 Kaedah Perolehan Kerajaan**
- 2 Proses Perolehan Kerajaan**
- 3 Pihak Berkuasa Melulus (PBM)**
- 4 Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih**



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN



KAEDAH PEROLEHAN KERAJAAN

Pekeliling
Perbendaharaan/
Perolehan Kerajaan
(PP/PK) 2 menggariskan
Kaedah Perolehan
Kerajaan

PP/PK2.2

**Tender
Terbuka**

PP/PK2.3

**Tender Terbuka
Pra Kelayakan**

PP/PK2.4

**Rundingan
Terus**

PP/PK2.5

Kontrak Pusat

PP/PK2.7

**Kontrak Panel
Berpusat**

PP/PK2.8

***Request For
Proposal (RFP)***

PP/PK2.9

Sebut Harga

PP/PK2.10

**Pembelian
Terus**

PP/PK2.11

**Lantikan Terus &
Kerja *Requisition***

RINGKASAN PERBANDINGAN SYARAT PEROLEHAN

	HAD NILAI	TEMPOH IKLAN *mulai Tarikh iklan/ Tarikh taklimat tender, mana yang terkemudian.	TEMPOH SAH LAKU
1 PEMBELIAN TERUS/ LANTIKAN TERUS/ REQUISITION	sehingga RM50,000	Min. 1 hari	Tiada
2 SEBUTHARGA	> RM50,000 sehingga RM500,000	Min. 7 hari	Maks. 90 hari
3 TENDER TERBUKA	> RM500,000	Tempatan: Min. 21 hari Antarabangsa: Min. 40 hari	Min. 90 hari
4 TENDER TERBUKA PRA KELAYAKAN	> RM500,000	Min. 25 hari (peringkat 1) Min. 40 hari (peringkat 2)	Min. 180 hari (peringkat 1) Min. 90 hari (peringkat 2)
5 REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)	> RM500,000	Min. 21 hari (peringkat 1) Min. 21 hari (peringkat 2)	Min. 90 hari (peringkat 1) Min. 90 hari (peringkat 2)
6 RUNDINGAN TERUS	TIADA HAD NILAI	Tiada	Tiada

Sebut Harga dan Tender boleh dilaksanakan secara Rundingan Terus tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan, berdasarkan kriteria berikut:

- Kesegeraan Atas Kepentingan Awam
- Bagi Maksud Penyeragaman
- Satu Punca Bekalan/Perkhidmatan (Pembuat/Pemegang Francais)
- Melibatkan Keselamatan/Strategik
- Kontrak Dengan Syarikat Pembuat Bumiputera




KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

PROSES PEROLEHAN KERAJAAN



PROSES PEROLEHAN KERAJAAN





KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

PIHAK BERKUASA MELULUS (PBM)

LEMBAGA PEROLEHAN

Rujukan: PK2.1/ para 18

1 Dilantik oleh YAB Menteri Kewangan & diwartakan (AP192)

2 KSU sebagai Pengerusi. Timbalan KSU dibenarkan dilantik sebagai Pengerusi ganti sewaktu ketiadaan KSU.

3 Kuorum: min. 3 orang termasuk Pengerusi. Wakil jemputan ke-4 boleh dijadikan kuorum jika terdapat keperluan .

4 Dilantik atas nama jawatan secara tahunan/2 tahun sekali

5 Ahli LP tidak boleh menganggotai JK Pembuka / mana-mana JK Penilaian

6 Wakil MOF daripada BPK & Wakil JKR sebagai ahli tetap.

7 Mempertimbang untuk meluluskan rundingan tender terbuka sebelum menyetuju terima tawaran tertakluk syarat:

Rujukan: PK2.2/ para 26

- ☐ Syarat/opsyen rundingan dinyatakan dalam iklan
- ☐ Tiada tawaran menguntungkan berdasarkan kriteria penilaian
- ☐ Hanya melibatkan petender yang lulus penilaian
- ☐ Tempoh sama kemuka semula tawaran
- ☐ JK Rundingan dilantik Ketua Jabatan

Rujukan: PK2.1/ para 19.6
WP7.5/ para 3

	LP KEMENTERIAN/ JABATAN KERJA RAYA	LP PERSEKUTUAN SABAH/ SARAWAK	LP BADAN BERKANUN		LP SYARIKAT KERAJAAN
			Dana Kerajaan Persekutuan	Dana Dalam BBP	
Tender Kerja	sehingga RM100 juta	sehingga RM30 juta	sehingga RM100 juta	sehingga RM500 juta	sehingga RM300 juta
Tender Bekalan/ Perkhidmatan	sehingga RM50 juta				

Sehingga 1 Ogos, MOF telah melaksanakan penambahbaikan kepada Pekeliling Perbendaharaan WP7.5 berkaitan Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) dengan mengambil kira, antara lain teguran Jabatan Audit Negara mengenai proses perolehan.

1

Bagi BBP yang menerima dana Persekutuan (sebahagian /sepenuhnya) dan mempunyai wakil MOF dalam Lembaga Pengarah, wakil MOF atau Ahli Ganti MOF tersebut hendaklah menganggotai Lembaga Perolehan dan merupakan **ahli yang membentuk kuorum**.

2

Bagi BBP yang menggunakan dana dalaman sepenuhnya, perolehan bernilai **RM500 juta ke atas** bagi nilai pakej keseluruhan hendaklah dimuktamadkan oleh MOF melalui perakuan Lembaga Pengarah.

Garis Panduan Tadbir Urus dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] 2024

Seksyen 3: Pentadbiran Syarikat

Prosedur Perolehan Syarikat MKD

- 3.16 Pengurusan perolehan syarikat di bawah tanggungjawab LP dan pengurusan syarikat MKD sepenuhnya. Manual Perolehan yang menggariskan SOP urusan perolehan syarikat perlu disediakan dan diluluskan oleh LP bagi memastikan pengurusan perolehan dibuat secara telus, adil dan teratur.
- 3.17 Manual Perolehan perlu disemak semula dan dikaji oleh LP dari semasa ke semasa atau sekurang-kurangnya setiap 5 tahun.
- 3.19 Syarikat MKD **perlu mendapatkan kelulusan MOF** bagi perolehan **bernilai melebihi RM300 juta**.

Surat makluman had kuasa LP untuk meluluskan pelaburan berkaitan *core business* FELCRA Berhad (18 Mac 2014)

FELCRA perlu mendapatkan kelulusan MOF sebagai pemegang saham bagi pelaburan dalam negeri **bernilai RM125 juta dan ke atas** setelah cadangan pelaburan tersebut diluluskan oleh LP dan diperakukan oleh KKDW. Bagi pelaburan di **luar negara** samada secara **usahasama** atau pun **bersendirian**, FELCRA perlu mendapatkan **kelulusan MOF**.



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih

2022

28
DIS

- ❑ YAB Menteri Kewangan menyarankan agar satu kaedah perolehan baharu dibuat bagi **menyegerakan proses perolehan** dan **mempercepatkan pelaksanaan projek** Kerajaan terutama yang melibatkan keperluan rakyat seperti projek tebatan banjir, infrastruktur asas, sekolah daif dan klinik kesihatan daif.
- ❑ Meningkatkan prestasi perbelanjaan DE (Bajet Pembangunan)

2023

15
MAC

- ❑ **Kaedah Tender Terbuka Pra-Kelayakan sedia ada ditambah baik**
- ❑ Kelonggaran kaedah perolehan yang baharu diperkenalkan iaitu **Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih** untuk diguna pakai oleh Kementerian/Agensi **sehingga 31 Disember 2023**.

2024

12
JAN

- ❑ Kelonggaran **Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih** disambung pelaksanaannya **sehingga 31 Disember 2024**

PERBANDINGAN TEMPOH PELAKSANAAN




		Tender Terbuka Pra-Kelayakan (PK 2.3)		Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih	
Pra Pelawaan					
PERINGKAT 1	Iklan/Pelawaan	Terbuka	25 hari	Terbuka	7 hari
	Penilaian Lembaga Perolehan	Penilaian kewangan, pengalaman, prestasi atau lain-lain kriteria	180 hari	Penilaian kewangan, pengalaman, prestasi atau lain-lain kriteria	30 hari
PERINGKAT 2	Pelawaan	Telah lulus Peringkat 1	40 hari	Telah lulus Peringkat 1	Konvensional: 14 hari Reka & Bina: 40 hari
	Penilaian Lembaga Perolehan SST	Penilaian Teknikal	90 hari	Penilaian Teknikal	Konvensional: 30 hari Reka & Bina: 60 hari
		335 HARI		Konvensional 81 HARI	Reka & Bina 137 HARI ¹⁶



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA

**SEKIAN,
TERIMA KASIH**





GAMBAR TAKLIMAT











JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac